



Hujung Minggu

فیتا بروندی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.40 SUBUH 4.50 SYURUK 6.10 DUHA 6.32 ZUHUR 12.19 ASAR 3.34 MAGHRIB 6.26 ISYAK 7.38 Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 51

27 APRIL 2024 / 1445 17 شوال

MANISNYA IMAN ایمان

SABDA Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari yang maksudnya :

"Dari Abi Hurairah Radiallahuanhu daripada

Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam Baginda bersabda :

Barang siapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat maka hendaklah ia menghormati tetamunya dan barang siapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat maka hendaklah ia menyambung silaturahim".

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU PERCUMA

## BERKENAN BERANGKAT MENYAKSIKAN KEJOHANAN POLO BULANAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan Kejohanan Polo Bulanan bagi Royal Brunei Polo and Riding Club yang berlangsung di Jerudong Park Polo and Riding Club, Jerudong. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

Oleh : Aimi Sani

JERUDONG, Jumaat, 26 April. - Pasukan White menjuarai Kejohanan Polo

Bulanan bagi Royal Brunei Polo and Riding Club (RBPRC) setelah menumpaskan Pasukan Green pada perlawanan yang berlangsung

di Jerudong Park Polo and Riding Club, Jerudong, di sini.

>> Muka 3

## Berkenan hantar titah perutusan takziah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan takziah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim dan Perdana Menteri

Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim serta kerajaan dan rakyat Malaysia berikutan dengan insiden helikopter terhempas yang berlaku di Lumut, Perak, Malaysia baru-baru ini.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 26 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat mengadakan

Keberangkatan Rasmi ke Thailand pada 28 hingga 29 April 2024 atas undangan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Srettha Thavisin.

>> Muka 5



## Berita Utama



PELANCARAN Retinopati Diabetik Kecerdasan Buatan

Muka 6



MUFTI Kerajaan terima kunjungan hormat

Muka 9



PERKUKUH kerjasama serantau dalam mewujudkan pelaburan pertanian ASEAN

Muka 11

## Kebawah DYMM akan adakan Keberangkatan Rasmi ke Thailand



RENCANA KEPENTINGAN imunisasi untuk kesihatan

Muka 21

## Aidilfitri, jangan dilupa yang ditimpa musibah, kesengsaraan



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada Isnin, 12 Syawal, 1445 Hijrah / 22 April, 2024 Masihi yang diadakan di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim  
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihee  
Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden,  
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyaratil  
Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin,  
Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een,  
Waba'du.

**A**LHAMDULILLAH, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya juga, dapatlah kita merayakan Aidilfitri yang mulia ini dalam suasana aman dan sejahtera.

Dalam masa kita bersuka ria menyambut Aidilfitri, kita hendaklah tidak melupakan nasib sebilangan umat Islam yang ditimpa musibah

dan kesengsaraan, seperti umat Islam di bumi Palestin. Sebagai orang Islam yang beriman, kita patut memberi perhatian kepada sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Al-Bukhari maksudnya, bahawa tidak sempurna iman seseorang kecuali dia mengasihai saudaranya sebagaimana dia mengasihai dirinya sendiri.

Sekurang-kurangnya kita mesti mendoakan mereka. Doa hanyalah sekecil-kecil ikhtiar untuk membantu saudara-saudara seugama, namun ia mustahak sebagai sifatnya 'senjata' bagi orang-orang yang beriman.

Menyentuh mengenai sikap prihatin, beta menyambut baik tema Sambutan Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada tahun ini, yang menekankan dua nilai kemanusiaan iaitu 'Pemedulian dan Prihatin' yang memang sudah menjadi darah daging kepada kita orang-orang Brunei, selaku warisan turun-temurun dari nenek moyang.

Beta bangga dengan penglibatan para belia kita melaksanakan pelbagai inisiatif kesukarelawanan seperti membantu golongan yang memerlukan di negara sendiri sehingga ke luar negara, misalnya mengumpulkan sumbangan dan pengendalian penghantaran ke bumi Palestin. Beta ucapan syabas kepada mereka.

Beta gembira mengalau-alukan kehadiran penuntut-penuntut daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan yang dianggap mewakili semua rakan pelajar lain yang sama-sama terlibat melaksanakan aktiviti kesukarelawanan dan kemasyarakatan. Amatlah sesuai mereka ini diketengahkan sebagai peserta dalam sambutan tahun ini.

Beta difahamkan kebanyakan institusi

pengajian tinggi tempatan telah menerapkan program insaniah dan kemasyarakatan dalam aktiviti kurikulum pelajar bagi meningkatkan kecerdasan rohani dan fizikal pelajar. Inisiatif ini pada hemat beta, adalah perlu untuk diteruskan dan dikembangkan lagi dalam menggalakkan dan membudayakan sikap prihatin dan pemedulian. Pelaksanaan program insaniah dan kemasyarakatan ini hendaknya tidaklah terhad kepada satu bidang sahaja, iaitu program membantu golongan yang memerlukan yang sering kita dengar dan saksikan. Di sana terdapat banyak lagi bidang yang perlu diteroka dan perkembangkan, misalnya bidang keugamaan, keusahawanan, teknologi, kebudayaan, sukan dan alam sekitar.

Tahun demi tahun kita menyaksikan ribuan para graduan tempatan telah dilahirkan, sama ada melalui institusi-institusi pengajian tempatan maupun luar negara. Negara sangatlah gembira dan berbangga memiliki generasi yang mampu menguasai pelbagai ilmu dan kemahiran.

Inilah antara hasrat Wawasan Brunei 2035 iaitu supaya negara berhasil melahirkan rakyat yang berpendidikan dan sekaligus berkemahiran tinggi. Jika ini benar-benar berhasil dicapai, maka itulah jawapan untuk merujuk kepada negara dan masyarakat 'maju'.

Akhirnya, beta merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada semua lapisan warga Yayasan beta dan semua mereka yang terlibat mengungkayahkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

## WAKTU SEMBAHYANG

April MASIHI	HARI	Syawal HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
27	SABTU	17	4.40	4.50	6.10	6.32	12.19	3.34	6.26	7.38
28	AHAD	18	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
29	ISNIN	19	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
30	SELASA	20	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
1 Mei	RABU	21	4.38	4.48	6.09	6.32	12.18	3.36	6.26	7.38
2	KHAMIS	22	4.38	4.48	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38
3	JUMAAT	23	4.38	4.48	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
Pekan Bangar	 34 26 °C /,,,	 34 26 °C /,,,
Pekan Tutong	 34 26 °C /,,,	 33 26 °C /,,
Kuala Belait	 33 26 °C /,,,	 33 26 °C /,,
Wallahualam Bissawab	 34 26 °C /,,,	 33 26 °C /,,

Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

27 APRIL 2024

### Mengukuhkan perkhidmatan imunisasi

**A**LHAMDULILLAH atas komitmen yang berterusan daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Program Pengembangan Imunisasi Kebangsaan (National Expanded Programme on Immunisation) Negara Brunei Darussalam berjaya menyumbang kepada status Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu negara yang diisyiharkan bebas daripada Malaria oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada tahun 1987; bebas daripada Polio pada tahun 2000, bebas daripada Measles pada tahun 2015 dan bebas daripada Rubella pada tahun 2018.

Kita sangat beruntung kerana semua rakyat dan penduduk di negara ini dapat menerima perkhidmatan vaksin daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan.

Selama lebih dari dua dekad, vaksin telah membantu memastikan orang ramai dilindungi di setiap peringkat umur daripada penyakit berjangkit dari sejak mula vaksin diberi untuk melindungi dari virus Smallpox dan hingga masa sekarang dengan vaksin yang terbaru bagi jangkitan COVID-19.

Program Imunisasi Kanak-kanak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam juga telah mencapai dan mengekalkan kadar liputan imunisasi kanak-kanak pada tahap yang melebihi 95 peratus liputan setiap tahun.

Pencapaian tersebut membuktikan bahawa Program Pengembangan Imunisasi Kebangsaan dan inisiatif pemberian vaksin di negara ini adalah berkesan dan sangat penting dalam memberikan perlindungan atau pencegahan seawalnya bukan saja kepada seseorang individu tetapi juga kepada individu-individu di sekelilingnya seperti ahli keluarga dan masyarakat.

Walau bagaimanapun, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusannya sempena Minggu Imunisasi Sedunia 2024 menegaskan bahawa di sebalik kejayaan Program Pengembangan Imunisasi pada tahap global masih terdapat cabaran dalam akses dan pengambilan vaksin yang boleh mengancam kesihatan dan kesejahteraan berjuta-juta orang, terutamanya dalam komuniti yang kurang mendapat akses kepada perkhidmatan perubatan.

Justeru, dalam meraikan Minggu Imunisasi Sedunia 2024 ini, Kementerian Kesihatan akan terus komited dan berusaha untuk mengukuhkan lagi perkhidmatan imunisasi di Negara Brunei Darussalam bagi seluruh penduduknya yang merangkumi setiap peringkat umur, serta memastikan impak vaksin terus membawa kita lebih dekat dengan dunia yang bebas daripada ancaman penyakit yang boleh dicegah.

Sehubungan dengan itu, marilah kita bersama-sama saling mengingati tentang peranan vaksin dalam menyelamatkan nyawa dan melindungi orang ramai dari semua peringkat umur daripada penyakit dan kecacatan. - Ketua Penyuntingan (Ad)

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBARINI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 | www.pelitabrunel.gov.bn

دُنْرِيَّتْكَنْ اوله جاين قراغن، جاين قردان منtri اوله قرینت فلس سنديرين بحد، نكارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

## Berkenan berangkat menyaksikan Kejohanan Polo Bulanan



Oleh : Aimi Sani

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

### >> Muka 1

Dalam perlawanan tersebut, Pasukan White yang diketuai oleh

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berjaya menewaskan Pasukan Green yang diketuai oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi menyaksikan Kejohanan Polo Bulanan bagi Royal Brunei Polo and Riding Club (RBPRC). Berangkat pada perlawanan tersebut ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda (atas dan kiri).

Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan kiraan 5.5 berbalas tiga dalam empat chukker.

Berkenan berangkat menyaksikan perlawanan tersebut

ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

### >> Muka 4



**PASUKAN** White yang diketuai oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berjaya menewaskan Pasukan Green yang diketuai oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah (atas kiri, atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan).





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

**>> Muka 3**

Juga berangkat pada perlawanan tersebut ialah Yang

Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka

Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan

Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien. Terdahulu,

menyaksikan Pasukan Black merangkul tempat ketiga setelah menumpaskan Pasukan Purple di tempat keempat dengan kiraan 10 - 3.

Pegawai Tugas Khas Kanan, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Awang Haji Abdul Karim bin Haji Abdul Wahab juga selaku Pengarah RBPRC juga hadir dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para peserta perlawanan.



DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, DYTM Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan YAM Pengiran Muda Bahar berkenan menerima hadiah pada perlawanan tersebut (kiri sekali, kiri, bawah kiri dan bawah kanan).



# KEBAWAH DYMM AKAN ADAKAN KEBERANGKATAN RASMI KE THAILAND

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri  
Foto : Jabatan Penerangan

## >> Muka 1

Semasa berada di Bangkok nanti, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan menghadiri Majlis Mesyuarat Dua Hala bersama Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Thailand.

Tahun 2024 menandakan Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik antara Negara Brunei Darussalam dan Thailand sejak dijalankan pada 1 Januari 1984.

Keberangkatan Rasmi ini juga akan memberi peluang kepada kedua-dua buah negara untuk membincangkan isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama.

Kali terakhir Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat ke Bangkok adalah pada November 2022 bagi menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC (AELM).

Baginda sebelum ini juga pernah berangkat mengadakan dua Keberangkatan Negara ke Thailand pada 1988 dan 2002 serta Keberangkatan Rasmi pada 2012.

**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bersalaman bersama Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Kerajaan Thailand di Majlis Perjumpaan Dua Hala pada 10 Oktober 2023.



# Gema Syawal 2024 mempereratkan hubungan, raikan pencapaian signifikan



JERUDONG, Khamis, 25 April. - Bersempena dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) petang tadi mengadakan Gema Syawal 2024 yang berlangsung di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Hotel, Jerudong, di sini.

Acara berkenaan adalah bagi meraikan kepercayaan dan sokongan daripada pihak berkepentingan BIBD, dan menjadi platform untuk mengukuhkan ikatan dan penghargaan kepada mereka yang telah menyumbang secara signifikan kepada pencapaian dan pertumbuhan strategik BIBD, pembangunan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan kesejahteraan ekonomi negara.

Majlis berkenaan menyaksikan seramai lebih daripada 2,500 tetamu yang hadir yang terdiri

yang selaras dengan nilai-nilai murni BIBD iaitu keusahawanan, kemampunan dan pembangunan komuniti. Sebahagian besar dana yang disumbangkan adalah daripada Bazar Eco Ramadan BIBD yang dilancarkan pada minggu pertama Ramadan 2024.

Inisiatif ini menyediakan platform untuk perniagaan tempatan memperkenalkan produk dan perkhidmatan mereka, memupuk keusahawanan dan pertumbuhan.

Bazar itu juga bertujuan untuk menggalakkan masyarakat menyokong perniagaan tempatan secara aktif, sekali gus mengukuhkan ekonomi negara dan menggalakkan amalan mesra alam.

Sumbangan berkenaan disempurnakan oleh Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD yang disaksikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Penggerusi BIBD.

BIBD akan terus berdedikasi untuk memupuk hubungan yang kukuh bersama dengan ahli-ahli berkepentingannya, menyokong usahawan tempatan, dan menyumbang kepada komuniti NBD yang berkembang maju.

Melalui inisiatif sebegini, BIBD akan terus mencuba untuk memainkan peranan penting dalam membina masa depan negara yang makmur dan mampan.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri semasa hadir pada Gema Syawal 2024 (atas kiri), manakala gambar atas, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menyaksikan penyerahan sumbangan kepada tiga Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) iaitu Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, SMARTER Brunei dan BIBD ALAF. Sementara gambar bawah, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.



# Pelancaran Retinopati Diabetik Kecerdasan Buatan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

JERUDONG, Rabu, 24 April.

- Jerudong Park Medical Centre (JPMC) melangkah satu tapak lagi ke hadapan dengan memperkenalkan perkhidmatan pemeriksaan saringan Retinopati Diabetik Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence Diabetic Retinopathy Screening Services) yang pertama.

Dengan kemajuan teknologi masa kini, kemudahan pemeriksaan perubatan kian berkembang sekali gus membolehkan kaedah yang mudah digunakan untuk mendiagnosis penyakit dan Retinopati Diabetik AI tidak terkecuali.

Pelancaran Retinopati Diabetik AI tersebut disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar yang juga selaku Pengarah

Eksekutif JPMC, berlangsung di Klinik Oftalmologi JPMC, di sini.

Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional) Kementerian Kesihatan, Dr. Ang Swee Hui; ketua-ketua jabatan dan pihak pengurusan kanan JPMC serta Visiting Consultant Ophthalmologist di JPMC.

Sejurus pelancaran, Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan jemputan khas lainnya menyaksikan demonstrasi pemeriksaan saringan penglihatan menggunakan Retinopati Diabetik AI berkenaan.

Menurut Yang Berhormat, satu daripada tiga orang yang menghidap diabetes didiagnosis dengan Retinopati Diabetik, menjadikannya salah satu komplikasi diabetes yang kebiasaannya terjadi. Dengan

YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa hadir dan seterusnya melancarkan Retinopati Diabetik AI (bawah kiri dan kanan).

inovasi teknologi AI, ia akan mengubah standard penjagaan kesihatan dengan meningkatkan kualiti hidup melalui penjagaan Pencegahan.

"Melabur pada teknologi canggih untuk meningkatkan diagnostik perubatan adalah mustahak untuk berada di barisan hadapan penjagaan kesihatan, dengan JPMC sebagai penerajunya, kami berharap ini akan membolehkan banyak kemungkinan bagi diagnostik perubatan tahap pertama," jelas Yang Berhormat.

Sementara itu, Visiting Consultant Ophthalmologist di JPMC, Dr. Hajah Helena POKSJ DP Haji Hurairah melahirkan keterangan dapat terlibat sama dalam inovasi berkenaan dan merungkai pelbagai kemungkinan bagi meningkatkan lagi diagnosis mereka sebagai pakar Oftalmologi, sekali gus membolehkan kesihatan yang lebih baik bagi pesakit-pesakit di JPMC.

Dalam pada itu, JPMC akan terus melabur dalam teknologi perubatan dan latihan baharu untuk pasukan perubatannya bagi membolehkan penjagaan kesihatan terbaik diberikan kepada para pesakit dan menjadi penjagaan kesihatan terkemuka di negara ini.



جاین فرانچن ایکونومی دان ستاتیسٹک  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
JABATAN HAL FIHAL PENGGUNA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

## NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

### Fikir sebelum beli

"boleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"jawah? banar kan tawarannya ani?"

### Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna



KEMENTERIAN Kesihatan akan terus komited dan berusaha untuk mengukuhkan lagi perkhidmatan imunisasi di Negara Brunei Darussalam.

Pencapaian ini ujarnya, membuktikan bahawa Program Pengembangan Imunisasi Kebangsaan dan inisiatif pemberian vaksin di negara ini adalah berkesan dan sangat penting dalam memberikan perlindungan atau pencegahan seawalnya bukan saja kepada seseorang individu tetapi juga kepada individu-individu di sekelilingnya seperti ahli keluarga dan masyarakat.

Walau bagaimanapun, di sebalik kejayaan EPI pada tahap global terangnya, masih terdapat cabaran dalam akses dan pengambilan vaksin yang boleh mengancam kesihatan dan

kesejahteraan berjuta-juta orang, terutamanya dalam komuniti yang kurang mendapat akses kepada perkhidmatan perubatan.

Justeru, dalam meraikan Minggu Imunisasi Sedunia 2024 ini, Kementerian Kesihatan akan terus komited dan berusaha untuk mengukuhkan lagi perkhidmatan imunisasi di Negara Brunei Darussalam bagi seluruh penduduknya yang merangkumi setiap peringkat umur, serta memastikan impak vaksin terus membawa kita lebih dekat dengan dunia yang bebas daripada ancaman penyakit yang boleh dicegah.

## KOMITED MEMASTIKAN AKSES VAKSIN SAKSAMANA

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 April. - Pada tahun ini Negara Brunei Darussalam, sekali lagi bersama dengan negara-negara Ahli Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang lain, menyambut Minggu Imunisasi Sedunia yang disambut setiap tahun pada 24 hingga 30 April 2024.

Minggu Imunisasi Sedunia disambut untuk mengingatkan orang ramai tentang peranan vaksin dalam menyelamatkan nyawa dan melindungi orang ramai dari semua peringkat umur daripada penyakit dan kecacatan.

Seperti lazimnya, Sambutan Minggu Imunisasi Sedunia disambut dengan tema yang tertentu setiap tahun.

Bagi tahun 2024, Minggu Imunisasi Sedunia disambut dengan tema 'Humanly Possible', sebagai peringatan tentang kemajuan yang telah dicapai oleh manusia dalam menjaga kesihatan global melalui vaksin untuk mencegah penyakit-penyakit.

Perkara itu digariskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusannya sempena Minggu Imunisasi Sedunia 2024.

Menurut Yang Berhormat, Program Pengembangan Imunisasi (Expanded Programme on Immunisation-EPI), adalah satu

inisiatif yang dilancarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada tahun 1974, sebagai usaha global untuk memastikan akses yang saksama kepada vaksin yang menyelamatkan nyawa untuk setiap kanak-kanak, tanpa mengira lokasi geografi atau status sosioekonomi mereka.

Tahun 2024 juga katanya, merupakan Ulang Tahun Ke-50 Program Pengembangan Imunisasi, di mana pencapaian Program Pengembangan Imunisasi dan impaknya terhadap nyawa-nyawa yang telah diselamatkan melalui imunisasi rutin, sepanjang 50 tahun kebelakangan ini, adalah sebagai peringatan kepada orang ramai tentang manfaat program imunisasi sebagai satu intervensi awam yang kos efektif dan penting bagi melindungi orang ramai daripada penyakit berjangkit.

Pada penubuhannya, Program Pengembangan Imunisasi memfokuskan kepada perlindungan kanak-kanak daripada enam jenis penyakit kanak-kanak, termasuk Batuk Kering (Tuberculosis), Difteria (Diphtheria), Kancing Gigi (Tetanus), Batuk Kokol (Pertussis), Polio (Poliomylitis) dan Campak (Measles).

Pada masa ini, terang Yang Berhormat, jumlah imunisasi telah meningkat kepada 13 vaksin sepetimana yang disyorkan secara

universal sepanjang hayat.

Atas komitmen yang berterusan daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Program Pengembangan Imunisasi Kebangsaan (National Expanded Programme on Immunisation) Negara Brunei Darussalam telah berjaya menyumbang kepada status Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu negara yang diisyiharkan bebas daripada Malaria oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada tahun 1987; bebas daripada Polio pada tahun 2000, bebas daripada Measles pada tahun 2015 dan bebas daripada Rubella pada tahun 2018.

Alhamdulillah, di Negara Brunei Darussalam, kita sangat beruntung kerana semua rakyat dan penduduk di negara ini dapat menerima perkhidmatan vaksin daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga mengongsikan Program Imunisasi Kanak-kanak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam telah mencapai dan mengekalkan kadar liputan imunisasi kanak-kanak pada tahap yang melebihi 95 peratus liputan setiap tahun.

# PBSM BERKONGSI KEGEMBIRAAN DI HARI RAYA



YANG Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir pada Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1445 Hijrah di Knowledge Hub, Tingkat 1, Kompleks Annajat, Beribi anjuran Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei Darussalam (kiri dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 26 April. - Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menganjurkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Knowledge Hub, Tingkat 1, Kompleks Annajat, Beribi, baru-baru ini.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri

berkenaan dianjurkan oleh Setiausaha Agung dan Ketua Pegawai Eksekutif PBSM untuk meraikan kegembiraan dan kemeriahan menyambut suasana Hari Raya Aidilfitri.

Acara berkenaan merupakan peluang untuk PBSM berkumpul bersama Ahli Jawatankuasa, rakan

korporat, serta wakil-wakil dari kementerian dan kedutaan di NBD untuk berkongsi kegembiraan.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri berkenaan turut dihadiri oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan

Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad.

Turut hadir ialah kedutaan-kedutaan di negara ini termasuk Amerika Syarikat, Kanada, Filipina, Bangladesh dan Korea.

Selain itu, Ahli Jawatankuasa,

**Siaran Akbar dan Foto :**  
**Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam**

ketua platon dan sukarelawan PBSM bersama dengan rakan-rakan korporat turut menyertai sambutan tersebut untuk meraikan semangat harmoni Hari Raya.

## Jumlah perdagangan NBD meningkat pada Februari 2024

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 25 April. - Jumlah perdagangan Negara Brunei Darussalam (NBD) meningkat 10.8 peratus pada Februari 2024 dengan nilai BND 2,405.5 juta, berbanding Januari 2024.

Ini adalah disumbangkan oleh nilai eksport dan import masing-masing sebanyak BND1,547.3 juta dan BND858.2 juta.

Penyumbang utama nilai eksport adalah bahan api galian sebanyak 77.7 peratus, diikuti oleh bahan kimia (20.8 peratus), dan jentera dan kelengkapan pengangkutan (0.8 peratus).

Pasaran eksport utama adalah Australia (22.4 peratus), diikuti oleh Republik Rakyat China (18.2 peratus) dan Singapura (13.9 peratus).

Komoditi eksport terbesar ke negara-negara berkenaan adalah bahan api galian dan bahan kimia.

Manakala, import pada Februari 2024 bernilai BND858.2 juta.

Tiga komoditi import utama adalah bahan api galian (75.4 peratus), diikuti oleh jentera dan

kelengkapan pengangkutan (7.7 peratus), makanan (5.0 peratus).

Sumbangan terbesar rakan dagangan import adalah dari Malaysia (39.7 peratus); diikuti oleh Republik Rakyat China (9.1 peratus) dan Indonesia (5.0 peratus), dengan bahan api galian, makanan dan jentera dan kelengkapan pengangkutan sebagai import komoditi utama.

Sebanyak 62.0 peratus import adalah digunakan sebagai barang perantaraan bagi pemprosesan, diikuti oleh barang modal (35.5 peratus) bagi operasi perniagaan dan barang penggunaan (2.5 peratus) bagi kegunaan isi rumah.

Sebanyak 96.8 peratus jumlah perdagangan diantar melalui pengangkutan laut, dengan 2.6 peratus oleh pengangkutan udara dan 0.6 peratus melalui darat.


Laporan Perangkaan Perdagangan Barang Antarabangsa bagi Februari 2024 boleh didapati melalui laman sesawang Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik di <https://deps.mofe.gov.bn>.

**Siaran Akbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**


### Import Utama Mengikut Komoditi



### Peratus Taburan Eksport Mengikut Rakan Dagangan



### Eksport Utama Mengikut Komoditi



**Suruhanjaya Perkhidmatan Awam**  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**PASTIKAN AWDA MEMENUHI SYARAT-SYARAT KELAYAKAN BAGI JAWATAN YANG AKAN DIPOHON**

Maklumat profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** Skim Iklan akan **tidak disenaraipendekkan**

Info Persegi Nilen

Bilangan Iklan: 2023/MUL/73 | Bahagian: 1

Jawatan: PEGAWAI TUGAS TUGAS KHAS TINGKAT II | Tingga Gaji: \$2 EB3

Kementerian: KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN | Kokongongan: 1

Jabatan: PUSAT SEJARAH BRUNEI | Jenis Iklan: TAII | Tarikh Mula: 05 SEPTEMBER 2023 | Tarikh Tutup: 30 SEPTEMBER 2023

Unit:

**SKIM IKLAN**

KESYARAHAN KELAYAKAN:

(A) PEMERINTAH DAERAH:

(B) PEMERINTAH DAERAH:

(C) PEMERINTAH DAERAH:

(D) PEMERINTAH DAERAH:

(E) PEMERINTAH DAERAH:

(F) PEMERINTAH DAERAH:

(G) PEMERINTAH DAERAH:

(H) PEMERINTAH DAERAH:

(I) PEMERINTAH DAERAH:

(J) PEMERINTAH DAERAH:

(K) PEMERINTAH DAERAH:

(L) PEMERINTAH DAERAH:

(M) PEMERINTAH DAERAH:

(N) PEMERINTAH DAERAH:

(O) PEMERINTAH DAERAH:

(P) PEMERINTAH DAERAH:

(Q) PEMERINTAH DAERAH:

(R) PEMERINTAH DAERAH:

(S) PEMERINTAH DAERAH:

(T) PEMERINTAH DAERAH:

(U) PEMERINTAH DAERAH:

(V) PEMERINTAH DAERAH:

(W) PEMERINTAH DAERAH:

(X) PEMERINTAH DAERAH:

(Y) PEMERINTAH DAERAH:

(Z) PEMERINTAH DAERAH:

(AA) PEMERINTAH DAERAH:

(BB) PEMERINTAH DAERAH:

(CC) PEMERINTAH DAERAH:

(DD) PEMERINTAH DAERAH:

(EE) PEMERINTAH DAERAH:

(FF) PEMERINTAH DAERAH:

(GG) PEMERINTAH DAERAH:

(HH) PEMERINTAH DAERAH:

(II) PEMERINTAH DAERAH:

(JJ) PEMERINTAH DAERAH:

(KK) PEMERINTAH DAERAH:

(LL) PEMERINTAH DAERAH:

(MM) PEMERINTAH DAERAH:

(NN) PEMERINTAH DAERAH:

(OO) PEMERINTAH DAERAH:

(PP) PEMERINTAH DAERAH:

(QQ) PEMERINTAH DAERAH:

(RR) PEMERINTAH DAERAH:

(TT) PEMERINTAH DAERAH:

(UU) PEMERINTAH DAERAH:

(VV) PEMERINTAH DAERAH:

(WW) PEMERINTAH DAERAH:

(XX) PEMERINTAH DAERAH:

(YY) PEMERINTAH DAERAH:

(ZZ) PEMERINTAH DAERAH:

(AA) PEMERINTAH DAERAH:

(BB) PEMERINTAH DAERAH:

(CC) PEMERINTAH DAERAH:

(DD) PEMERINTAH DAERAH:

(EE) PEMERINTAH DAERAH:

(FF) PEMERINTAH DAERAH:

(GG) PEMERINTAH DAERAH:

(HH) PEMERINTAH DAERAH:

(II) PEMERINTAH DAERAH:

(JJ) PEMERINTAH DAERAH:

(KK) PEMERINTAH DAERAH:

(LL) PEMERINTAH DAERAH:

(MM) PEMERINTAH DAERAH:

(NN) PEMERINTAH DAERAH:

(OO) PEMERINTAH DAERAH:

(PP) PEMERINTAH DAERAH:

(QQ) PEMERINTAH DAERAH:

(RR) PEMERINTAH DAERAH:

(TT) PEMERINTAH DAERAH:

(UU) PEMERINTAH DAERAH:

(VV) PEMERINTAH DAERAH:

(WW) PEMERINTAH DAERAH:

(XX) PEMERINTAH DAERAH:

(YY) PEMERINTAH DAERAH:

(ZZ) PEMERINTAH DAERAH:

(AA) PEMERINTAH DAERAH:

(BB) PEMERINTAH DAERAH:

(CC) PEMERINTAH DAERAH:

(DD) PEMERINTAH DAERAH:

(EE) PEMERINTAH DAERAH:

(FF) PEMERINTAH DAERAH:

(GG) PEMERINTAH DAERAH:

(HH) PEMERINTAH DAERAH:

(II) PEMERINTAH DAERAH:

(JJ) PEMERINTAH DAERAH:

(KK) PEMERINTAH DAERAH:

(LL) PEMERINTAH DAERAH:

(MM) PEMERINTAH DAERAH:

(NN) PEMERINTAH DAERAH:

(OO) PEMERINTAH DAERAH:

(PP) PEMERINTAH DAERAH:

(QQ) PEMERINTAH DAERAH:

(RR) PEMERINTAH DAERAH:

(TT) PEMERINTAH DAERAH:

(UU) PEMERINTAH DAERAH:

(VV) PEMERINTAH DAERAH:

(WW) PEMERINTAH DAERAH:

(XX) PEMERINTAH DAERAH:

(YY) PEMERINTAH DAERAH:

(ZZ) PEMERINTAH DAERAH:

(AA) PEMERINTAH DAERAH:

(BB) PEMERINTAH DAERAH:

(CC) PEMERINTAH DAERAH:

(DD) PEMERINTAH DAERAH:

(EE) PEMERINTAH DAERAH:

(FF) PEMERINTAH DAERAH:

(GG) PEMERINTAH DAERAH:

(HH) PEMERINTAH DAERAH:

(II) PEMERINTAH DAERAH:

(JJ) PEMERINTAH DAERAH:

(KK) PEMERINTAH DAERAH:

(LL) PEMERINTAH DAERAH:

(MM) PEMERINTAH DAERAH:

(NN) PEMERINTAH DAERAH:

(OO) PEMERINTAH DAERAH:

(PP) PEMERINTAH DAERAH:

(QQ) PEMERINTAH DAERAH:

(RR) PEMERINTAH DAERAH:

(TT) PEMERINTAH DAERAH:

(UU) PEMERINTAH DAERAH:

(VV) PEMERINTAH DAERAH:

(WW) PEMERINTAH DAERAH:

(XX) PEMERINTAH DAERAH:

(YY) PEMERINTAH DAERAH:

(ZZ) PEMERINTAH DAERAH:

(AA) PEMERINTAH DAERAH:

(BB) PEMERINTAH DAERAH:

(CC) PEMERINTAH DAERAH:

(DD) PEMERINTAH DAERAH:

(EE) PEMERINTAH DAERAH:

(FF) PEMERINTAH DAERAH:

(GG) PEMERINTAH DAERAH:

(HH) PEMERINTAH DAERAH:

(II) PEMERINTAH DAERAH:

(JJ) PEMERINTAH DAERAH:

(KK) PEMERINTAH DAERAH:

(LL) PEMERINTAH DAERAH:

(MM) PEMERINTAH DAERAH:

(NN) PEMERINTAH DAERAH:

(OO) PEMERINTAH DAERAH:

(PP) PEMERINTAH DAERAH:

(QQ) PEMERINTAH DAERAH:

(RR) PEMERINTAH DAERAH:

(TT) PEMERINTAH DAERAH:

(UU) PEMERINTAH DAERAH:

(VV) PEMERINTAH DAERAH:

(WW) PEMERINTAH DAERAH:

(XX) PEMERINTAH DAERAH:

(YY) PEMERINTAH DAERAH:

(ZZ) PEMERINTAH DAERAH:

(AA) PEMERINTAH DAERAH:

(BB) PEMERINTAH DAERAH:

(CC) PEMERINTAH DAERAH:

(DD) PEMERINTAH DAERAH:

(EE) PEMERINTAH DAERAH:

(FF) PEMERINTAH DAERAH:

(GG) PEMERINTAH DAERAH:

(HH) PEMERINTAH DAERAH:

(II) PEMERINTAH DAERAH:

(JJ) PEMERINTAH DAERAH:

(KK) PEMERINTAH DAERAH:

(LL) PEMERINTAH DAERAH:

(MM) PEMERINTAH DAERAH:

(NN) PEMERINTAH DAERAH:

(OO) PEMERINTAH DAERAH:

(PP) PEMERINTAH DAERAH:

(QQ) PEMERINTAH DAERAH:

(RR) PEMERINTAH DAERAH:

(TT) PEMERINTAH DAERAH:

(UU) PEMERINTAH DAERAH:

(VV) PEMERINTAH DAERAH:

(WW) PEMERINTAH DAERAH:

(XX) PEMERINTAH DAERAH:

(YY) PEMERINTAH DAERAH:

(ZZ) PEMERINTAH DAERAH:

(AA) PEMERINTAH DAERAH:

(BB) PEMERINTAH DAERAH:

(CC) PEMERINTAH DAERAH:

(DD) PEMERINTAH DAERAH:

(EE) PEMERINTAH DAERAH:

(FF) PEMERINTAH DAERAH:

(GG) PEMERINTAH DAERAH:

(HH) PEMERINTAH DAERAH:

(II) PEMERINTAH DAERAH:

(JJ) PEMERINTAH DAERAH:

(KK) PEMERINTAH DAERAH:

(LL) PEMERINTAH DAERAH:

(MM) PEMERINTAH DAERAH:

(NN) PEMERINTAH DAERAH:

(OO) PEMERINTAH DAERAH:

(PP) PEMERINTAH DAERAH:

(QQ) PEMERINTAH DAERAH:

(RR) PEMERINTAH DAERAH:

(TT) PEMERINTAH DAERAH:

(UU) PEMERINTAH DAERAH:

(VV) PEMERINTAH DAERAH:

(WW) PEMERINTAH DAERAH:

(XX) PEMERINTAH DAERAH:

(YY) PEMERINTAH DAERAH:

(ZZ) PEMERINTAH DAERAH:

(AA) PEMERINTAH DAERAH:

(BB) PEMERINTAH DAERAH:

(CC) PEMERINTAH DAERAH:

(DD) PEMERINTAH DAERAH:

(EE) PEMERINTAH DAERAH:

(FF) PEMERINTAH DAERAH:

(GG) PEMERINTAH DAERAH:

(HH) PEMERINTAH DAERAH:

(II) PEMERINTAH DAERAH:

(JJ) PEMERINTAH DAERAH:

(KK) PEMERINTAH DAERAH:

(LL) PEMERINTAH DAERAH:

(MM) PEMERINTAH DAERAH:

(NN) PEMERINTAH DAERAH:

(OO) PEMERINTAH DAERAH:

(PP) PEMERINTAH DAERAH:

(QQ) PEMERINTAH DAERAH:

(RR) PEMERINTAH DAERAH:

(TT) PEMERINTAH DAERAH:

(UU) PEMERINTAH DAERAH:

(VV) PEMERINTAH DAERAH:

(WW) PEMERINTAH DAERAH:

(XX) PEMERINTAH DAERAH:

(YY) PEMERINTAH DAERAH:

(ZZ) PEMERINTAH DAERAH:

(AA) PEMERINTAH DAERAH:

(BB) PEMERINTAH DAERAH:

(CC) PEMERINTAH DAERAH:

(DD) PEMERINTAH DAERAH:

(EE) PEMERINTAH DAERAH:

(FF) PEMERINTAH DAERAH:

(GG) PEMERINTAH DAERAH:

(HH) PEMERINTAH DAERAH:

(II) PEMERINTAH DAERAH:

(JJ) PEMERINTAH DAERAH:

(KK) PEMERINTAH DAERAH:

(LL) PEMERINTAH DAERAH:

(MM) PEMERINTAH DAERAH:

(NN) PEMERINTAH DAERAH:

(OO) PEMERINTAH DAERAH:

(PP) PEMERINTAH DAERAH:

(QQ) PEMERINTAH DAERAH:

(RR) PEMERINTAH DAERAH:

(TT) PEMERINTAH DAERAH:

(UU) PEMERINTAH DAERAH:

(VV) PEMERINTAH DAERAH:

(WW) PEMERINTAH DAERAH:

(XX) PEMERINTAH DAERAH:

(YY) PEMERINTAH DAERAH:

(ZZ) PEMERINTAH DAERAH:

(AA) PEMERINTAH DAERAH:

(BB) PEMERINTAH DAERAH:

(CC) PEMERINTAH DAERAH:

(DD) PEMERINTAH DAERAH:

(EE) PEMERINTAH DAERAH:

(FF) PEMERINTAH DAERAH:

(GG) PEMERINTAH DAERAH:

(HH) PEMERINTAH DAERAH:

(II) PEMERINTAH DAERAH:

(JJ) PEMERINTAH DAERAH:

(KK) PEMERINTAH DAERAH:

(LL) PEMERINTAH DAERAH:

(MM) PEMERINTAH DAERAH:

(NN) PEMERINTAH DAERAH:

(OO) PEMERINTAH DAERAH:

(PP) PEMERINTAH DAERAH:

(QQ) PEMERINTAH DAERAH:

(RR) PEMERINTAH DAERAH:

(TT) PEMERINTAH DAERAH:

(UU) PEMERINTAH DAERAH:

(VV) PEMERINTAH DAERAH:

(WW) PEMERINTAH DAERAH:

(XX) PEMERINTAH DAERAH:

(YY) PEMERINTAH DAERAH:

(ZZ) PEMERINTAH DAERAH:

(AA) PEMERINTAH DAERAH:

(BB) PEMERINTAH DAERAH:

(CC) PEMERINTAH DAERAH:

(DD) PEMERINTAH DAERAH:

(EE) PEMERINTAH DAERAH:

(FF) PEMERINTAH DAERAH:

(GG) PEMERINTAH DAERAH:

(HH) PEMERINTAH DAERAH:

(II) PEMERINTAH DAERAH:

(JJ) PEMERINTAH DAERAH:

(KK) PEMERINTAH DAERAH:

(LL) PEMERINTAH DAERAH:

(MM) PEMERINTAH DAERAH:

(NN) PEMERINTAH DAERAH:

(OO) PEMERINTAH DAERAH:

(PP) PEMERINTAH DAERAH:

(QQ) PEMERINTAH DAERAH:

(RR) PEMERINTAH DAERAH:

(TT) PEMERINTAH DAERAH:

(UU) PEMERINTAH DAERAH:

(VV) PEMERINTAH DAERAH:

(WW) PEMERINTAH DAERAH:

(XX) PEMERINTAH DAERAH:

(YY) PEMERINTAH DAERAH:

(ZZ) PEMERINTAH DAERAH:

(AA) PEMERINTAH DAERAH:

(BB) PEMERINTAH DAERAH:

(CC) PEMERINTAH DAERAH:

(DD) PEMERINTAH DAERAH:

(EE) PEMER

# 959 TERIMA SIJIL TARAF KERAKYATAN



dan Pendaftaran Kebangsaan, Awang Haji Azmi bin Haji Abdul Rahim, diikuti dengan ucapan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat berkata bahawa lebih 50 peratus penerima Sijil Taraf Kerakyatan adalah terdiri daripada kalangan belia dan sebagai generasi yang akan mewarisi negara, adalah penting bagi para belia khasnya dan seluruh rakyat amnya untuk memainkan peranan dalam menerajui negara ke arah pembangunan modal insan yang mulia berlandaskan nilai-nilai agama, berdaya tahan, berwibawa serta menerapkan sifat kecemerlangan untuk pembangunan negara.

Yang Berhormat seterusnya menyeru kepada penerima Sijil Taraf Kerakyatan serta masyarakat untuk mendukung serta melibatkan diri dalam apa juga aktiviti dan program kemasyarakatan sama ada di peringkat kampung, mukim, daerah ataupun negara dalam sama-sama membentuk sebuah negara yang maju dan cemerlang; bersatu padu dan harmoni; sejahtera dan selamat.

Sikap pemedulian tambah Yang Berhormat, perlulah dipupuk dan diperkuuh di peringkat mukim dan kampung kerana perpaduan adalah antara penyumbang kepada pembangunan dan keharmonian negara.

Menurut Yang Berhormat lagi, ia adalah penting bagi generasi yang akan datang untuk menegakkan dan mengekalkan nilai-nilai luhur, berwawasan serta mendukung falsafah negara, iaitu Melayu Islam Beraja.

"Oleh itu, seluruh rakyat dan penduduk adalah sangat dialukan untuk menjadi ahli di dalam Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) dalam usaha untuk menyokong usaha-usaha yang akan dikendalikan oleh majlis berkenaan.

"MPMK ini adalah sebagai wadah bagi anak buah kampung untuk mencurahkan bakti kepada usaha pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menitikberatkan kesejahteraan, kemaslahatan rakyat dan juga penduduk di negara ini.

"Di sinilah juga peranan penghulu mukim dan ketua kampung sebagai mata, telinga dan lidah kerajaan untuk menjaga serta mengawasi kepentingan, kesejahteraan,



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian Sijil-sijil Taraf Kerakyatan kepada para penerima (kiri dan atas). Manakala gambar bawah kiri, para penerima yang hadir pada Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-40, bertempat di Dewan Bankuet, Dewan Persidangan BRIDEX, Jerudong.

kebijakan dan keselamatan kampung," jelas Yang Berhormat.

Para penerima adalah terdiri daripada mereka yang telah memohon taraf kerakyatan Negara Brunei Darussalam di bawah Akta Taraf Kebangsaan Brunei, Penggal 15, iaitu di bawah Bab 5(1) dan 8(1) Ujian Bahasa Melayu secara tulis dan lisan; Bab 6(1), iaitu terdiri daripada anak-anak kepada ibu warganegara Brunei, anak-anak kepada ayah warganegara Brunei dan anak-

anak angkat kepada ibu bapa angkat warganegara Brunei; dan juga di bawah Bab 5(6) terdiri daripada isteri-isteri kepada suami warganegara Brunei.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, ketua-ketua jabatan, penghulu-penghulu mukim dan ketua kampung serta para pegawai kanan KHEDN dan JIPK.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa berucap pada majlis tersebut.

JERUDONG, Khamis, 25 April. - Seramai 959 pemohon diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadi rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sehubungan dengan itu, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-40, bertempat di Dewan Bankuet, Dewan Persidangan BRIDEX, Jerudong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian Sijil-sijil Taraf Kerakyatan kepada penerima, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Imigresen



## LUPA TOKEN PSCR 2.0?



### CARA PENETAPAN SEMULA (RESET) TOKEN PSC AWDA

Whatsapp Talian Perhubungan (+673 7371961) atau E-mel (query@spa.gov.bn) serta nyatakan:

1. Nama Penuh
2. Nombor Kad Pengenalan
3. Swafoto awda dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan



سورو هنجاي فر خدمتن عوام  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

BARU

**PENTING**

**IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP**

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

Status: TIDAK DIPERAKURAN

**SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR**

**DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR**

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education and lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tanda gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

**!**

**Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.**

**✓ Memahami bahawa maklumat **profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak meneati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya **permohonan tidak akan diproses**.**

# Mufti Kerajaan terima kunjungan hormat

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 24 April. - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned telah menerima kunjungan hormat daripada Chaplains Centre Royal Australian Air Force Williams Australia, Imam Support Chaplain (Flight Lieutenant) Abdul Kader yang berlangsung di Darulifta' Brunei Darussalam, Jabatan Mufti Kerajaan, hari ini. Dalam kunjungan tersebut, rombongan dari Australia dan Yang Berhormat Mufti Kerajaan telah berkongsi beberapa pandangan mengenai perkembangan agama Islam di kedua-dua negara dan bertukar-tukar fikiran mengenai hubungan di antara kedua-dua negara khasnya mengenai pendidikan dan sebagainya.

Hadir sama pada kunjungan tersebut ialah Pesuruhjaya Tinggi

Australia ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Luke Arnold dan Australia Defence Adviser ke NBD, Lieutenant Colonel Paul Sanderson.

Imam Abdul Kader dalam rangka Lawatan Kerja dan kunjungan muhibah ke NBD selama lima hari bermula pada 22 April 2024 sehingga 26 April 2024. Antara tujuan Lawatan Kerja beliau adalah untuk menghadiri Acara Australian and New Zealand Army Corps (ANZAC) Dawn Service di NBD pada 25 April 2024.

**YANG Berhormat Mufti Kerajaan** telah menerima kunjungan hormat daripada Chaplains Centre Royal Australian Air Force Williams Australia, Imam Support Chaplain (Flight Lieutenant) Abdul Kader yang berlangsung di Darulifta' Brunei Darussalam, Jabatan Mufti Kerajaan.



## MEMPERINGATI HARI ANZAC DI TUGU PERINGATAN BRUNEI-AUSTRALIA

**PEMERINTAH** Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) hadir pada Majlis Memperingati Hari ANZAC di Tugu Peringatan Brunei-Australia, bertempat di Pantai Muara dan seterusnya bergambar bersama Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam (kanan dan kanan sekali).

**MUARA**, Khamis, 25 April. - Bagi memperingati jasa anggota tentera Australia dan New Zealand dalam perperangan, konflik, menjaga keamanan dan operasi kemanusiaan, Suruhanjaya Tinggi Australia di Negara Brunei Darussalam (NBD) mengadakan Majlis Memperingati Hari ANZAC di Tugu Peringatan Brunei-Australia, bertempat di Pantai Muara, pagi tadi.

Hadir pada majlis berkenaan, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejah Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali; Ketua-ketua Perkhidmatan ABDB, ahli komuniti diplomatik di negara ini, pegawai tentera, dan warga Australia dan New Zealand di NBD.

Pesuruhjaya Tinggi Australia ke NBD, Tuan Yang Terutama Luke Arnold dalam ucapannya menyentuh mengenai tentang beban psikologi yang dihadapi oleh orang ramai dan kakitangan angkatan tentera, tentang bagaimana pemahaman mengenai dengan kesihatan mental sejak perang dunia pertama yang telah mendorong di antara dua negeri, iaitu NBD;



dan Australia untuk bekerjasama.

TYT Luke Arnold turut menyatakan usaha Australia untuk menegakkan undang-undang kemanusiaan antarabangsa, termasuk berhubung dengan konflik semasa di Ukraine dan Timur Tengah.

Sementara itu, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD, Tuan Yang Terutama Maeda Toru dalam ucapannya berkata, walaupun mereka bertempur antara satu sama lain semenjak 79 tahun lalu, Jepun dan Australia kini menjadi kawan rapat di rantau ini.

"Kami cuba menjadikan persahabatan dan kerjasama bukan sahaja untuk kepentingan kedua-dua negara kami, tetapi juga menyumbang kepada keamanan dan kemakmuran rantau Indo-Pasifik, berganding bahu dengan rakan-rakan kami, termasuk NBD, negara anggota ASEAN dan lain-lain yang berkumpul di sini pagi ini," kata TYT Maeda Toru.

Suruhanjaya Tinggi Australia di NBD merakamkan

penghargaan atas sokongan istiadat yang diberikan oleh Unit Simpanan Gurkha dan Batalion Pertama Royal Gurkha Rifles.

Majlis berkenaan juga

diisikan dengan peletakan jambangan bunga sebagai tanda penghormatan dan memperingati jasa di Tugu Peringatan oleh tetamu-tetamu khas, duta dan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi  
Adzrie Pg. Haji Nikman

Pesuruhjaya Tinggi serta tetamu khas lain.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun

PenggunaBijak



جایتن فرانځن اکونومی دان ستاتیستک  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
JABATAN HAL EHWAH PENGUNA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

# 27 PESERTA LULUS JLPT TERIMA SIJIL

**PEMANGKU Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan** hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sijil bagi Ujian Kemahiran Bahasa Jepun yang berlangsung di Residence of The Ambassador of Japan. Turut hadir, Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam.

**SUNGAI TILONG**, Rabu, 24 April. - Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam (NBD) mengadakan Majlis Penyampaian Sijil bagi Ujian Kemahiran Bahasa Jepun (Japanese Language Proficiency Test - JLPT) yang berlangsung di Residence of The Ambassador of Japan, Sungai Tilong, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh. Penyampaian Sijil Peperiksaan JLPT berkenaan adalah bagi peringkat bahasa N2 sehingga N5 yang diadakan pada 3 Disember 2023 yang lalu.

Pada majlis tersebut, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD, Tuan Yang Terutama Maeda Toru telah menyampaikan sijil kepada para



peserta dan mengucapkan tahniah atas kejayaan mereka. Turut hadir, Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Hazri bin Haji Kifle mewakili Ahli Jawatankuasa JLPT.

Seramai 56 peserta telah mengambil Peperiksaan JLPT

tahun lepas di mana merentasi pelbagai peringkat bahasa, daripada peringkat N1 sehingga N5 dan seramai 27 orang telah lulus dengan jayanya. Daripada jumlah berkenaan, seorang telah lulus N2, enam orang telah lulus N3, sementara itu, lima orang lulus N4

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

dan 15 orang lulus N5.

Bagi sesiapa yang ingin menyertai ujian JLPT pada tahun ini, permohonan akan mula dibukukan pada bulan Ogos hingga September 2024 dan ujian akan

diadakan pada 1 Disember 2024. JLPT ditawarkan oleh Yayasan Jepun sejak tahun 1984 sebagai cara yang boleh dipercayai untuk menilai dan memperakui kecekapan penutur bahasa Jepun bukan asli.

## Pemenang Peraduan Fotografi Semarak Hari Kebangsaan terima hadiah



**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara** hadir selaku tetamu kehormat pada Peraduan Fotografi Semarak Hari Kebangsaan dan menyempurnakan penyampaian hadiah dan cenderamata kepada para pemenang dan panel hakim (atas kanan dan atas kiri). Sementara gambar bawah kiri, suasana peraduan berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 25 April. – Awang Haji Mohamad Haranadi bin Haji Buntar dengan kapsyen gambar 'Kayuhan Kemerdekaan' muncul

johan bagi Kategori Khas Peraduan Fotografi Semarak Hari Kebangsaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD)

Ke-40, Tahun 2024.

Manakala Abang Muhammad Saifulizam bin Abang Zamhor pula johan Kategori 'A' (Umum) dengan kapsyen gambar 'Lautan Persembahan', sementara Dayang Lenna Norsusilanita binti Bahari pula muncul johan bagi Kategori 'B' (Sajak Potret) dengan tajuk sajak 'Aku Patriot Negara'.

Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit dalam ucapan alu-aluannya berkata gambar adalah sebagai salah satu produk budaya cukup berperanan penting dalam mengungkap peradaban bangsa kerana sesuatu gambar itu mampu bertindak menerangkan sesuatu peristiwa atau keadaan dengan berkesan.

Malah jelasnya, menerusi gambar juga mampu memudahkan dan

membantu ilmuwan, budayawan atau sejarawan misalnya, untuk mengetahui dan menyelidik sesuatu maklumat dengan lebih mendalam.

"Menghasilkan gambar yang mempunyai nilai estetika yang tinggi sehingga mampu mengesankan masyarakat itu memerlukan kebijaksanaan dan kekreatifan seorang jurugambar."

"Oleh itu, Peraduan Fotografi anjuran DBP yang diungkayahkan bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD 2024 merupakan penggerak dan pencetus dalam mengenal pasti jurugambar-jurugambar yang berpotensi menghasilkan gambar atau imej dengan berkualiti dan berkesan."

"Peraduan Fotografi yang dilaksanakan sejak tahun 2021 ini bukan sahaja memperlihatkan perkembangan bilangan penyertaan yang cukup menggalakkan malah,

**PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit semasa berucap.**

dari tahun ke tahun turut menerima penyertaan daripada bakat-bakat baru yang juga mempunyai kebolehan dan memberikan saingan kepada jurugambar profesional.

"Malah hasil daripada pengajian Peraduan Fotografi ini, jabatan ini juga telah berjaya menerbitkan satu buku khas berjudul 'Potret Kenangan, Sulaman Kasih : Raja Julangan Rakyat' yang merupakan himpunan gambar-gambar peserta Peraduan Fotografi sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD dari tahun 2021-2023."

"Buku khas ini telah disembahkan ke hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Ahad, 13 Ogos 2023 semasa Riadah Basikal Keputeraan 2023 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan," ujarnya lagi.



# PERKUKUH KERJASAMA SERANTAU DALAM MEWUJUDKAN PELABURAN PERTANIAN ASEAN



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa hadir mewakili Negara Brunei Darussalam bagi menyertai Bengkel Kerja bertajuk 'AIPA-FAO-IISD Joint Workshop on the Implementation of the ASEAN Guidelines on Promoting Responsible Investment in Food, Agriculture, and Forestry Sectors' yang diadakan di Vientiane, Lao PDR bermula pada 24 hingga 25 April 2024.

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat**

**VIENTIANE, LAO PDR**, Jumaat, 26 April. - Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lau How Teck; dan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed bagi menyertai Bengkel Kerja bertajuk 'AIPA-FAO-IISD Joint Workshop on the Implementation of the ASEAN Guidelines on Promoting Responsible Investment in Food, Agriculture and Forestry Sectors' yang diadakan di Vientiane, Lao PDR bermula pada 24 hingga 25 April 2024.

Bengkel berkenaan bertujuan untuk memperkuuh kerjasama serantau antara parlimen dalam mewujudkan pelaburan pertanian bertanggungjawab (*responsible investment in agriculture*) di rantau ASEAN.

Bengkel Kerja berkenaan merupakan sebahagian daripada usaha bersama antara ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA), Food and Agriculture Organization (FAO) dan International Institute of Sustainable Development (IISD) dengan menyasarkan para ahli parlimen bagi memperkuuh penglibatan mereka dalam proses pembentukan pelan tindakan bagi pelaksanaan ASEAN RAI pada peringkat

parlimen.

Dalam Bengkel Kerja berkenaan, para ahli parlimen terdiri daripada negara anggota ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) termasuk MMN telah mendalmi isu-isu penting yang berkaitan dengan pelaburan pertanian bertanggungjawab di rantau ini.

Antara lain juga, para perwakilan telah menyertai sesi perbincangan yang telah memberi ruang bagi pertukaran dan perkongsian pandangan dan pengalaman serta menyediakan sebuah pelan tindakan yang akan dijadikan sebagai satu garis panduan bagi parlimen-parlimen serantau dalam memainkan peranan penting

dalam menggalakkan pelaburan bertanggungjawab dalam sektor berkenaan dalam kalangan negara-negara ASEAN.

Hasil daripada Bengkel Kerja

berkenaan akan dibincangkan untuk diluluskan semasa Perhimpunan Agung AIPA yang akan diadakan pada akhir tahun ini.

## Pemenang Peraduan Fotografi Semarak Hari Kebangsaan terima hadiah

>> Muka 10

Dayang Hajah Haireni seterusnya menjelaskan bagi mengangkat tema '40 Tahun Negara Merdeka', peraduan pada kali ini turut membuka satu kategori baharu, iaitu Kategori Sajak Potret yang memberi peluang kepada peserta bukan sahaja kreatif merakam peristiwa tetapi juga berkebolehan dan bijak dalam menyampaikan gambar yang diambil melalui penulisan sajak.

Beliau juga berkata ini bermakna, Peraduan Fotografi yang diadakan ini membuka ruang dan peluang kepada para penggiat seni tanah air untuk lebih bergerak aktif dalam mempelbagaikan dan memajukan lagi industri seni fotografi di negara ini.

Peraduan Fotografi Semarak Hari Kebangsaan adalah merupakan anjuran Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan, DBP.

Peraduan Fotografi pada tahun ini yang membawa tema '40 Tahun Negara Merdeka' merupakan pelaksanaan kali keempat yang diungkayahkan oleh DBP bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD.

Majlis Penyampaian Hadiah bagi para pemenang peraduan berkenaan diadakan di Balai Sarmayuda, DBP, Berakas pada pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan penyampaian hadiah dan cenderamata kepada para pemenang dan panel hakim, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Peraduan Fotografi berkenaan diadakan antara lain bertujuan untuk memupuk semangat penghayatan kebangsaan, patriotisme, nasionalisme serta kenegaraan dalam kalangan masyarakat tanpa mengira peringkat umur, bangsa dan agama; mengekspresikan dan memvariasikan kreativiti masyarakat melalui seni fotografi dan sastera seterusnya menjadi suatu sumber pendapatan yang dapat menjana kepada kemajuan sosioekonomi negara; nilai tambah koleksi dan pendokumentasian gambar-gambar yang berkaitan dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD; melahirkan lebih ramai penggiat seni fotografi yang bukan sahaja kreatif dalam pengambilan gambar bahkan berbakat dalam penulisan sajak potret; dan memperoleh karya-karya foto yang berkualiti serta bernilai tinggi.

Pihak Urus Setia Peraduan telah menerima sebanyak 67 penyertaan dengan 100 keping gambar iaitu, 23 peserta daripada Kategori Khas dengan 35 keping gambar; 31 peserta daripada Kategori 'A' (Umum) dengan 48 keping gambar; dan 13 peserta daripada Kategori 'B' (Sajak Potret) dengan 17 keping gambar.

Para pemenang bagi setiap kategori terdiri daripada johan, naib johan, tempat ketiga dan dua pemenang sagu hati.

Abang Muhammad Saifulizam ketika ditemu bual mengongsikan mengenai foto yang beliau ambil, iaitu merasakan tenaga persembahan yang luar biasa dengan beliau melihatnya seperti ombak.

Dengan menggunakan pengalaman dan teknik, beliau menggambar persembahan berkenaan yang menyerupai lautan dan bersyukur kerana pertama kali dipilih sebagai johan bagi peraduan kategori berkenaan.

## TIPS MEMUAT NAIK

PENTING:  
Pastikan menggunakan pelayar seperti Google Chrome / Mozilla Firefox / Safari



#1

Format fail yang betul

**PDF:**  
Kad Pengenalan, Lesen Memandu, Sijil, Transkrip & Lain-lain Dokumen

**JPG / PNG:** Gambar Berukuran Passport (Gambar Profil)


#2

Saiz fail tidak melebihi 3MB



#3

Dokumen yang diimbas hendaklah dalam versi asal / berwarna



#4

Nama fail tidak mengandungi sebarang simbol dan jarak (space)



# 135 REKRUT LELAKI TAMAT LATIHAN ASAS KETENTERAAN



**PEMERINTAH** Tentera Darat Diraja Brunei hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan dan seterusnya dijemput untuk memeriksa perbarisan (atas). Sementara gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.

**TUTONG**, Jumaat, 26 April. - Seramai 135 anggota rekrut lelaki bagi Pengambilan Ke-173 telah berjaya menamatkan latihan asas ketenteraan yang mengambil tempat di Padang Kawad Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (IL ABDB), Penanjong Garison, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Brigedier Jeneral Haji Mohammad

Shanonnizam bin Sulaiman.

Turut hadir ialah Timbalan-timbalan dan Pemangku Timbalan Pemerintah Angkatan Tentera dan Pemangku Timbalan Angkatan Bersama, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan anggota daripada Kementerian Pertahanan berserta keluarga dan penjaga anggota-anggota rekrut.

Semasa upacara tersebut, tetamu kehormat telah dijemput untuk memeriksa perbarisan

dan seterusnya menyampaikan ucapan. Dalam ucapan, beliau menekankan mengenai kepentingan kekuatan kerohanian, jasmani dan pengetahuan yang patut disemai dan dikembangkan di sepanjang perkhidmatan.

Ia adalah sebagai asas kepada kekuatan ABDB yang berperanan sebagai benteng barisan hadapan dalam mempertahankan kesucian agama dan kedaulatan negara dan raja.

Seterusnya, tetamu kehormat juga turut memberikan kata-kata nasihat agar semua yang menamatkan latihan sama-sama berusaha menimba ilmu pengetahuan dan kemahiran serta turut mendoakan kejayaan mereka pada masa akan datang.

Seterusnya Pemerintah TDDB menyempurnakan penyampaian anugerah-anugerah kepada rekrut-rekrut dan jurulatih-jurulatih yang telah memperkenan prestasi cemerlang dalam kategori-kategori masing-masing.

Penerima-penerima anugerah bagi Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-173 ialah 55645 Rekrut Wafiq Amna bin Haji Hamdani

bagi Anugerah Rekrut Terbaik Keseluruhan, 55594 Rekrut Mohammad Addy Zaky Billah bin Haji Awang Raimi bagi Anugerah Kemahiran Tentera Terbaik, 55558 Rekrut Mohammad Wafri Al Jeferiah bin Md. Sufri Al Jeferiah bagi Anugerah Senjata Ringan dan 55674 Rekrut (U) Muhammad Nurfaiq Izzuddin bin Kamarul Ariffin Anugerah Latihan Jasmani Terbaik.

Manakala 52432 Lans Koperal (U) Muhammad Rafiuddin Al-Islam

Oleh : Pg. Vivy Maessa  
Pg. Ibrahim  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

bin Rosli telah menerima Anugerah Ketua Seksyen Terbaik dan 18616 Sarjan Muhamad Azmi bin Bujeh sebagai Pluton Sarjan Terbaik.

Upacara diakhiri dengan bacaan doa oleh Pegawai dari Jabatanarrah Agama ABDB, 1392 Lettenan Awangku Muhamad Nur Hafizan bin Pengiran Haji Hasan.



## Sidang Kemuncak CPRN 2024 labuh tirai



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Kemuncak CPRN 2024 berkenaan disempurnakan oleh Pemangku Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Dalam ucapannya, Awang Aliuddin menggesa untuk meneruskan semangat kerjasama dan inovatif yang dilahirkan dalam setiap perbincangan dan taklimat semasa sidang kemuncak berkenaan.

"Marilah kita bersama-sama komited untuk menterjemahkan visi kita bersama kepada tindakan yang nyata dan konkret, memanfaatkan pelbagai kebijaksanaan dan sumber komuniti kita untuk membuat perubahan yang nyata," ujarnya.

Sementara itu, Pengarah Sekretariat SEAMEO, Thailand, Datuk Dr. Habibah binti Abdul Rahim, dalam sintesis sidang kemuncak berkenaan melahirkan keyakinan mengenai pembangunan cadangan dasar yang terhasil daripada perbincangan yang bermas.

Beliau mengulangi sokongan

padunya ke arah usaha penyelidikan yang berterusan dan penyebaran penemuan daripada kertas kerja yang diserahkan, meramalkan trajektori yang positif untuk landskap pendidikan rantau ini.

Majlis diikuti dengan penyampaian sijil penghargaan kepada para penyampai ucaptama, pembentang, moderator, serta Ahli-ahli Jawatankuasa yang terlibat dalam menjayakan CPRN 2024 berkenaan.

SEAMEO VOCTECH kekal komited dalam memajukan keterangkuman dalam pendidikan, sains dan budaya, membuka jalan ke arah masa depan yang lebih cerah dan saksama di seluruh Asia Tenggara.

Membawa tema 'Merangkul Keterangkuman Dalam Pendidikan, Sains dan Budaya ke Arah Ketersediaan Masa Depan Asia Tenggara' (Embracing Inclusivity in Education, Science, and Culture Towards a Future-Ready Southeast Asia), Sidang Kemuncak CPRN 2024 berkenaan berfungsi



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan semasa hadir pada Sidang Kemuncak The 7th SEAMEO Centres Policy Research Network (CPRN 2024) Summit yang dianjurkan oleh Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH dan seterusnya menyampaikan sijil penghargaan kepada para penerima (atas dan bawah).

sebagai mercu tanda, menekankan kepentingan bagi akses saksama kepada pendidikan, sains dan budaya yang berkualiti, tanpa mengira latar belakang individu, jantina, etnik atau sebarang faktor perbezaan yang lain.

Melalui pembentangan dan dialog yang membina berteraskan tema, para peserta membuat perbincangan mendalam yang menumpukan tentang memupuk Asia Tenggara yang lebih inklusif.



# KONGSI IDEA DALAM PERKEMBANGAN MOBILITI PENDIDIKAN GLOBAL

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



**PENGARAH** Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Anis Faudzulani binti Haji Dzulkiflee, selaku Brunei's Erasmus+ National Focal Point (ENFP) semasa berucap pada majlis berkenaan.

Haji Dzulkiflee, selaku Brunei's Erasmus+ National Focal Point (ENFP) semasa acara Brunei Info Day For Erasmus+ yang berlangsung di Dewan Kuliah, UTB, di sini.

Dayang Hajah Anis Faudzulani semasa berucap selaku tetamu kehormat majlis, seterusnya menjelaskan, sehingga kini, lima pelajar Brunei dan dua cendekiawan telah terlibat dalam Program Erasmus+ International Credit Mobility.

Menurutnya lagi, pada tahun ini, seorang pelajar terlibat dalam mobiliti jangka pendek melalui kerjasama antara Universita Palackeho v Olomouci di Czechia dan Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Sebelum ini katanya, UBD bekerjasama dengan University of Patras, Greece, yang diuruskan oleh Profesor Dr. Basilios Tsikouras dari UBD, yang juga merupakan salah seorang penceramah pada hari ini. Adlina Misli, salah seorang pelajar, juga akan berucap hari ini.

Beliau seterusnya berharap

pembentangan mereka akan menimbulkan semangat dalam kalangan mereka dan lebih banyak kerjasama dapat dilaksanakan dalam tahun-tahun mendatang.

Acara kemudian diteruskan dengan sesi perkongsian oleh pengurus program daripada Delegasi Kesatuan Eropah ke Negara Brunei Darussalam serta pakar-pakar dari Suruhanjaya Eropah dan ENFP.

Antara topik yang dibentangkan adalah gambaran keseluruhan Program Erasmus+, Mobiliti Kredit Antarabangsa (ICM), perkongsian pengalaman dengan Erasmus+ ISM oleh Alumni dan Program Biasiswa Jean Monnet.

Brunei Info Day For Erasmus+ dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengajian Tinggi dan UTB dan

diadakan secara hibrid yang membolehkan para pensyarah dan pelajar hadir secara fizikal dan juga membolehkan peserta luar negara yang terdiri daripada ahli antarabangsa Erasmus+ untuk hadir secara maya.

Seramai lebih kurang 120 orang peserta telah hadir secara fizikal, manakala 50 orang peserta hadir secara maya.

Erasmus+ ialah Program Kesatuan Eropah yang bertujuan untuk menyokong pendidikan, latihan, belia dan sukan di Eropah.

Program bagi tahun 2021-



**PENGARAH** Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Anis Faudzulani semasa hadir selaku tetamu kehormat pada acara Brunei Info Day For Erasmus+.

2027 tersebut memberi tumpuan penting kepada rangkuman sosial, peralihan hijau dan digital, dan menggalakkan penyertaan golongan muda dalam kehidupan demokratik.

Ia menyokong keutamaan dan aktiviti yang ditetapkan dalam Kawasan Pendidikan Eropah, Pelan Tindakan Pendidikan Digital dan Agenda Kemahiran Eropah.

Objektif acara ini adalah untuk berkongsi maklumat tentang Program Erasmus+ dan untuk menggalakkan mobiliti pembelajaran, kerjasama, kualiti, keterangkuman, ekuiti,

kecemerlangan, kreativiti, dan inovasi dalam bidang pendidikan dan latihan.

Acara ini juga bertujuan untuk menggalakkan projek bersama antara Institusi Pengajian Tinggi dari negara yang berbeza di seluruh dunia dan menyokong reka bentuk program pengajian peringkat tinggi di peringkat sarjana.

Turut hadir ialah Dekan, pensyarah dan pelajar Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), UTB serta Ketua Pegawai Eksekutif dan pengetua institusi-institusi swasta.

**TUNGKU LINK**, Rabu, 24 April. - Program Erasmus Plus (Erasmus+) International Credit Mobility merupakan contoh utama impak transformasi pertukaran pengetahuan dan kerjasama timbal balik antara Negara Brunei Darussalam dan institusi global.

Kesepakatan ini mendorong kepada komuniti akademik global yang teguh dan berhubungan rapat, mewujudkan kecemerlangan dan inovasi.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pengarah Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Anis Faudzulani binti

## Meterai MoU perkukuh kerjasama bidang kepimpinan, kewangan Islam



**Memorandum of Understanding (MoU)**  
**Signing Ceremony**

between  
BILIF Institute of Leadership and Islamic Finance (BILIF)  
and  
Pt Fin Centerindo Satu  
5 Syawal 1445 / 25 April 2024

MEWAKILI BILIF semasa acara penandatanganan tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif, BILIF, Dayang Hajah Sufinah binti Haji Sahat, manakala FIN SATU diwakili oleh Pesuruhjaya, FIN SATU, Harianti Solichin.

**TUNGKU LINK**, Khamis, 25 April. – Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF) dan PT Fin Centerindo Satu (FIN SATU) pagi tadi memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi kerjasama dan kolaborasi ke arah pembangunan modal insan dalam sektor kepimpinan, kewangan konvensional dan kewangan Islam.

Mewakili BILIF semasa acara penandatanganan tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif, BILIF, Dayang Hajah Sufinah binti Haji Sahat, manakala FIN SATU diwakili oleh Pesuruhjaya, FIN SATU, Harianti Solichin.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh pengarah-pengarah urusan, ketua-ketua pegawai eksekutif dan wakil-wakil antara lainnya dari Brunei Darussalam Central Bank (BDCB),

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman

sebagai pusat ekosistem ekonomi dan pendidikan berdasarkan Syariah yang berskala nasional dan antarabangsa di Indonesia, yang antara lainnya akan merangkumi kegiatan perniagaan, pendidikan, modal insan, hab fesyen, kosmetik dan perjalanan haji dan umrah.

BILIF telah terpilih untuk kolaborasi bersama FIN SATU ini untuk menawarkan pendidikan, pensijilan, dan program latihan berkualiti tinggi kepada ahli profesional Indonesia terutamanya dalam bidang kepimpinan dan kewangan Islam.

Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Baiduri Bank, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Standard Chartered Bank, United Overseas Bank, RHB Bank dan Maybank.

Penandatanganan MoU ini diterajui oleh FIN SATU, iaitu pemilik projek dan pengurus Bangunan Menara Syariah di Indonesia.

Menara Syariah ini dirancang untuk menjadi pusat ekosistem ekonomi dan pendidikan berdasarkan Syariah yang berskala nasional dan antarabangsa di Indonesia sebagai sebahagian daripada inisiatif mereka untuk menubuhkan Menara Syariah, iaitu sebuah bangunan komersial dan runcit dengan dua gedung pejabat berkembar,

FIN SATU juga telah berhasrat untuk memasarkan program Kepimpinan Eksekutif BILIF seperti Young Executive Leadership Programme (YELP), Senior Advanced Leadership (SEAL) Programme dan High Impact Executive Leadership (HIEL) Programme serta program kewangan Islam khas BILIF iaitu Leadership in Islamic Finance & Economics (LIFE) dan Fiqh Mu'amalat Practitioners' Programme (FMPP).

Selain itu, BILIF dan FIN SATU juga membincangkan untuk menyediakan pensijilan antarabangsa BILIF dari institusi-institusi ternama seperti Chartered Banker Institute (CBI), Accounting

and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI), the London Institute of Banking & Finance (LIBF) dan lain-lain.

BILIF, sebagai sebuah pusat kecemerlangan bagi industri kewangan di negara ini, sentiasa giat menjalankan misinya untuk membentuk pemimpin, pakar dan pemacu inovasi masa depan terutama dalam bidang kewangan Islam dan kepimpinan melalui program dan acara bertaraf antarabangsa.

Maklumat lanjut mengenai BILIF boleh didapati melalui laman sesawang BILIF di <https://bilif.com.bn/> atau akaun Instagram @BILIF.bn.



MAJLIS tersebut turut dihadiri oleh pengarah-pengarah urusan, ketua-ketua pegawai eksekutif dan wakil-wakil antara lainnya dari Brunei Darussalam Central Bank, Bank Islam Brunei Darussalam, Baiduri Bank, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei, Standard Chartered Bank, United Overseas Bank, RHB Bank dan Maybank.

# JAWATAN KOSONG / IKLAN



## IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEkosongan Jawatan, Syarat-syarat Kelayakan serta Huraian Tugas dan Tanggungjawab boleh dilayari di [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

### PERINGATAN PENTING

- Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
- Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

- Lengkappkan Profil PSCR 2.0
- Lengkappkan Kelulusan (Reputasi / pangkat tertinggi subjek / bidang ketulusan)
- Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Sifat, transkrip dan pengiktirafan MyJawatan Pengiktirafan Ketulusan (MJK) yang berkenaan)
- Tandakan "I" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengiktirafan Kerja Rajaan"
- Lengkappkan Maklumat (Barisan pekerjaan / Pengiktirafan Perkhidmatan Awam / Isi身lahan / Kelebihan profesional dan kekuasaan yang diperolehi di dalam kerja)

query@spa.gov.bn

Talian WhatsApp

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

PSC.BN

Jawatan, Tanqqa Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1. PEGAWAI PELAJARAN G.13 (BAHAGIAN II) 2024/APR/03/KPKD	POLITEKNIK BRUNEI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN	05	7(A)	01 MEI 2024
2. PEMBANTU MUZIUM D.1-2 EB.3-4-5 (BAHAGIAN IV) 2024/APR/01/KKBS	JABATAN MUZIUM-MUZIUM, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	01	7(A)	01 MEI 2024
3. KETUA ESTET KUMPULAN I (BAHAGIAN I) 2024/APR/01/KHNL	KEMENTERIAN HAL EHWAH LUAR NEGERI	01	38(A)	01 MEI 2024
4. PEMBANTU AKHBAR C.3 EB.4 (BAHAGIAN III) 2024/APR/02/JPM	JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	04 MEI 2024

- PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
  2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIULANGKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
  3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)



### Notis Sebut Harga

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**  
RTB / K / 13 / 24 - 25 :  
Perkhidmatan Pembuatan Dan Pemasangan Backdrop, Pencetakan Imej, Rostrum Dan Meja Bagi Program Realiti TV, Bahagian Rancangan Televisyen, RTB.

### Bayaran Tawaran :



BND5.00 (tidak dikembalikan) (termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas:**  
BND5.00 (jika perlu dan tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup :**  
Rabu,  
8 Mei 2024,  
jam 2.00 Petang



### Pemberitahuan Sebut Harga

**Bilangan Tawaran :**  
JPKK / JKSH2425-QTN.01 / FSS

**Tajuk Tawaran :**  
The Supply And Delivery Of One Thousand Three Hundred (1,300) Pieces Of Negara Brunei Darussalam's Flag 3' X 6' Woolen Bunting Sewn With State Colour And State Crest In Red Colour On Both Side For The Treasury Department, Ministry Of Finance and Economy



**Tarikh Tutup / Jam :**  
4 Mei 2024 – Sabtu (9.00 Pagi)

**Tempat Menghantar Tawaran :**  
Peti Sebut Harga,  
Jabatan Perbendaharaan Tingkat 2,  
Tower Block  
Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi Commonwealth Drive,  
Jalan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam



## JABATAN KAJICUACA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

**Tawaran Bagi:**  
"The Calibration Of Wind Sensors For The Brunei Darussalam Meteorological Department"

**Bilangan Tawaran:**  
JKBD / 2023 / SH-17

**Tarikh Tutup :**  
Rabu,  
29 Mei 2024



**Bilangan Sebut Harga :**  
AME / 2024-2025 / SH-17

**Tajuk Tawaran. 1**  
Kontrak bermusim bagi kerja-kerja pemotongan serta pembersihan rumput, longkang dan pokok di kawasan Airside Whiskey 2 / Whiskey 3,  
Jabatan Penerangan Awam bagi tempoh 1 tahun (12 bulan)  
(Kelas I dan II)

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Tawaran:**  
24 April 2024, Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran :**  
14 Mei 2024, Selasa

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
15 Mei 2024, Rabu  
Tidak lewat jam 2.00 Petang

**Kepada :**  
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga  
d/a Tingkat Bawah, Seksyen Kewangan, Ibu Pejabat Jabatan Penerangan Awam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Bandar Seri Begawan BB2513 Negara Brunei Darussalam



## JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

### Notis Iklan Lelong

**Tarikh Mula:**  
27 Mei 2024 (Isnin)

**Tarikh Melihat, Membeli Borang Dan Menghantar Borang Tawaran (Waktu Bekerja Sahaja):**  
27 Mei 2024 (Isnin)  
Hingga  
6 Jun 2024 (Khamis)

**Isnin – Khamis :**  
8.30 Pagi - 11.30 Pagi  
1.30 Petang - 3.00 Petang

**Sabtu :**  
8.00 Pagi – 10.30 Pagi  
Petang – Tutup

**Tarikh Tutup Menghantar Borang Tawaran Ke Dalam Peti Tawaran :**

8 Jun 2024  
sebelum Jam 9.00 Pagi (Sabtu).  
(Tidak Dibenarkan Membeli Borang Tawaran)

**Lot :**  
1

**Keterangan :**  
Peralatan-Peralatan Penghawa Dingin Dan Chiller

**Bertempat :**  
Tempat Penyimpanan Besi Buruk Kerajaan,  
JKR  
Jalan Bengkurong Masin.

**Nota:**

Hanya dibuka kepada syarikat-syarikat kitar semula yang berdaftar di bawah **Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan** sahaja.



## JABATAN KAJICUACA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

**Tawaran Bagi**

The Supply, Delivery And Testing Of Meteorological Upper Wind Observation Balloons To Brunei Darussalam Meteorological Department

**Bilangan Tawaran:**  
JKBD / 2024 / SH-02

**Tarikh Tutup:**  
Isnin  
13 Mei 2024



## KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI

### Kenyataan Tawaran

**Bilangan Tawaran:**  
KHEDN / 4 / 1.4 / 1-2024

### Tajuk Tawaran:

Tawaran Selama Satu (1) Tahun Skim Perlindungan Insurans / Takaful Bagi Penghulu Mukim, Ketua Kampung Dan Ketua Rumah Panjang

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Rabu 1 Mei 2024  
Jam 2.00 Petang



## JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA

**Jabatan Pengajian Islam**  
**Kementerian Hal Ehwal Ugama**  
**Negara Brunei Darussalam**

### Pemberitahuan Tawaran

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**  
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUM / 2024-2025

Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (*Housekeeping*) Bagi Sekolah Ugama Masin, Kawasan Brunei IV

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**  
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUPAPFLBK / 2024-2025  
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (*Housekeeping*) Bagi Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Fadzillah Lubabul Bolkiah, Kupang Kawasan Tutong

**Tempoh 12 Bulan Di bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam**  
**Kementerian Hal Ehwal Ugama**  
**Tahun 1445H-1446H / 2024M - 2025M**

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Rabu,  
29 Syawal 1445H / 8 Mei 2024M, tidak lewat jam 2.00 Petang.





**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Sebut Harga :**  
KSSUP / S / JKSH / BTI / 01 /  
2024-2025

**Tajuk Sebut Harga :**  
The Supply And Delivery Of 24  
UNIT 2TB SSD QNAPS TS /  
1279URP For Ministry Of Primary  
Resources And Tourism

**Yuran Setiap Satu Sebut Harga :**  
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
Khamis, 9 Mei 2024,  
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

Jabatan Kemajuan Pelancongan  
Kementerian Sumber-Sumber  
Utama Dan Pelancongan

**Bilangan Tawaran:**  
JKP / SH / 2024 – 2025 / 05

**Tajuk Tawaran:**  
“To Design, Supply, Fabricate,  
Delivery And Install Of Interpretive  
Signages Of Plant At Tasek Lama  
Recreational Park, Bandar Seri  
Begawan ”

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Khamis, 16 Mei 2024,  
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Jabatan Ukur**  
Kementerian Pembangunan  
Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran :**  
JUA / 02 / 2022

Upgrading And Migrating The  
Current Geoportal Technology  
To The Latest Version Hosted At  
OGPC And NCDB With  
Support And Maintenance  
For Survey Department,  
Ministry Of Development

**Yuran Tawaran :**  
BND1,000.00  
(Tidak dikembalikan)

**Yuran Dokumen :**  
BND5.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
4 Jun 2024 bersamaan  
26 Zulkaedah 1445H  
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang



**JABATAN DAERAH TUTONG**  
**KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI**

**Jawatan Kosong Sebagai**

**Ketua Kampung Tingkat I**  
**PMKK.3**  
(BND2,270.00 - BND4,240.00)

Atau

**Ketua Kampung Tingkat II**  
**PMKK.2**  
(BND1,990.00 - BND2,970.00)

Atau

**Ketua Kampung Tingkat III**  
**PMKK.1**  
(BND1,280.00 - BND2,270.00)

bagi

**Daerah Tutong**

Kampung Petani,  
Mukim Pekan Tutong  
Kampung Pengkalan Mau,  
Bakiau dan Batang Mitus,  
Mukim Kiudang  
Rancangan Perumahan  
Negara Bukit Beruang  
Kawasan 2, Mukim Telisai  
Rancangan Perumahan  
Negara Bukit Beruang  
Kawasan 4, Mukim Telisai



Kampung Layong,  
Mukim Lamunin  
Kampung Merimbun,  
Mukim Rambai

**Tatacara Menghadapkan**  
**Borang Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang  
pencalonan boleh didapati dan  
dikembalikan ke alamat seperti  
berikut :-

Bahagian Institusi Mukim  
dan Kampung  
Jabatan Daerah Tutong  
Kementerian Hal Ehwal  
Dalam Negeri  
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan  
borang pencalonan adalah pada  
Sabtu, 25 Mei 2024, jam 4.00  
Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah  
menghubungi melalui talian +673  
4222491



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**Tawaran Rancangan**  
**Pemakanan Sekolah**

**Bilangan Tawaran :**  
MOE / LTK / 01 / 2024 / 2025  
(AKS-APRIL-2024)

**Keterangan :**  
Tawaran Perkhidmatan Kawalan  
Keselamatan Ke Atas  
Bangunan Sekolah-Sekolah  
Dan Maktab-Maktab,  
Kementerian Pendidikan Bagi  
Pusat Tingkatan Enam Belait,  
Daerah Belait,  
Kementerian Pendidikan,



Negara Brunei Darussalam  
Bagi Tempoh Perkhidmatan  
Tiga [3] Tahun

**Yuran / Dokumen Tawaran :**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa, 14 Mei 2024  
Jam 2.00 Petang



**Bilangan Tawaran:**  
UBD / E8 / 002 / 2024 – (T)

**Tajuk Tawaran :**  
The Supply, Installation, And  
Training Of A Selective Powder  
Deposition-Based 3d Metal Printer  
With The Provision Of Sintering  
At The Faculty Of Integrated  
Technologies (FIT),  
Universiti Brunei Darussalam

**Bayaran Tawaran:**  
Bayaran Dokumen & Pentadbiran  
(termasuk e-Dokumen)  
BND15.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
30 April 2024, jam 2.00 Petang



Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DTS / 10 / STE / 2024-T / II

**Nama Projek:**  
Kerja-Kerja Membaik Pulih  
Kerosakan Struktur  
dan Endapan Tanah Bagi  
Sekolah Rendah Kiarong

**Yuran Tawaran :**  
BND10.00  
(Tidak dikembalikan)



## PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)  
hendaklah dihantar dan diterima oleh  
Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK**  
**kurang dari empat (4) minggu** dan  
**Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari**  
**dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan  
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah  
dibaca menggunakan **Microsoft Word**  
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang  
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar  
menggunakan **BAHASA MELAYU**  
**SAHAJA.**



- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah  
dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400**  
**sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA  
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGKAN  
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

# MENINGKATKAN KESEDARAN PEMULIHAN TERUMBU KARANG



PENGETUA Sekolah Menengah Sayyidina Ali (SMSA) semasa hadir pada majlis berkenaan (kiri), manakala gambar kanan, para pelajar semasa menyaksikan pameran.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BELAIT**, Khamis, 25 April. - Bebola terumbu atau *reef ball* adalah struktur terumbu tiruan yang direka bentuk khas untuk meniru terumbu semula jadi yang telah terbukti secara konsisten sangat berkesan dalam mempromosikan biodiversiti, meningkatkan habitat ikan serta menyediakan perlindungan untuk terumbu karang yang rapuh melalui ratusan kajian penyelidikan yang dijaki semula.

Sehubungan itu, ceramah mengenai pemuliharaan marin dan Program Bebola Terumbu Brunei (Brunei Reef Ball Program) telah berlangsung hari ini di Sekolah Menengah Sayyidina Ali (SMSA) di Kuala Belait, di sini.

Seramai 70 murid Tahun 9 dan Tahun 10 menghadiri ceramah pendidikan yang menyentuh tentang terumbu karang; ancaman yang dihadapi oleh terumbu karang dan kesannya terhadap kehidupan sehari-hari kita, iaitu menumpukan kepada terumbu

tiruan.

Bebola terumbu bukan sahaja dapat memuliharkan terumbu karang, tetapi juga meningkatkan tangkapan ikan dan meningkatkan perikanan, melindungi pantai daripada hakisan dan meningkatkan populasi penyu, di samping memulihkan bakau yang telah terbukti dengan kejayaannya dari seluruh dunia, dan khususnya di Sarawak sejak 30 tahun yang lalu.

Pengisian ceramah mengenai program berkenaan telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Poni Divers, Awang Mohd. Tahsin Wong Abdullah, selaku Pengasas Yayasan Poni.

Terdahulu, Pengetua SMSA, Steven Shim Sheau Huei turut menyampaikan ucapan perasmian, yang antara lain menyampaikan pesanan mengenai pemanasan global, perubahan iklim dan kesannya terhadap kehidupan sehari-hari kita.

Jangkauan pemuliharaan marin

kepada belia Brunei melalui ceramah sekolah merupakan satu daripada objektif di bawah Program Sekolah SC Tubular Solutions (B) Sdn. Bhd (SCTS) sebagai satu cara untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dan menyebarkan kesedaran mengenai terumbu Brunei dan pemuliharaan terumbu menggunakan bebola terumbu, selain untuk memupuk pengurusan alam sekitar dalam kalangan pelajar.

SCTS ialah penaja korporat pertama bagi Program Bebola Terumbu Brunei di bawah Projek LAUT Brunei (Looking After Underwater Treasures of Brunei), sebuah inisiatif pemuliharaan marin di bawah Yayasan Poni.

Di bawah Program SCTS, Poni Divers dan Yayasan Poni merancang untuk menjalankan sejumlah lapan ceramah, mengajar 42 kakitangan SCTS dan 126 murid sekolah tempatan cara membuat bebola terumbu dan belajar menanam karang di atasnya, seterusnya menempatkan

bebola terumbu berkenaan ke laut terbuka di Pulau Pilong-Pilongan dengan sokongan daripada Jabatan Perikanan.

Program berkenaan akan menggunakan 100 bola terumbu, setiap satu seberat kira-kira 20 kilogram, dengan enam batu karang ditanam pada setiap bebola terumbu, dalam tempoh enam bulan.

Permulaan Program Bebola Terumbu Brunei oleh Yayasan Poni dan Poni Divers, dengan kerjasama Yayasan Bola Terumbu yang beribu pejabat di Florida, mencerminkan dedikasi yang teguh kepada biodiversiti marin dan pengurusan pantai yang mampan oleh sektor swasta yang bukan berdasarkan keuntungan.

Melalui program berkenaan juga, SCTS menyertai usaha negara untuk memperkuuh pemuliharaan marin, meningkatkan hasil perikanan, dan mengurangkan kesan kenaikan paras laut, dengan inisiatif berkenaan sejarah dengan matlamat tindak balas iklim dengan matlamat tindak balas iklim

PENGISIAN ceramah mengenai program berkenaan disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Poni Divers, Awang Mohd. Tahsin Wong Abdullah, selaku Pengasas Yayasan Poni.

Brunei dan menyokong sasaran pembangunan mampan yang digariskan dalam Agenda Global 2030.

Antara tujuan program yang telah dilancarkan dengan sokongan dari Jabatan Perikanan pada 20 Julai 2023 itu adalah untuk menyokong inisiatif pemuliharaan marin Brunei, meningkatkan hasil dalam industri tangkapan, dan untuk memuliharkan terumbu karang melalui pembiakan karang ke bebola terumbu dan pertambahan habitat ikan.

Program berkenaan juga menyokong inisiatif tindak balas perubahan iklim Brunei dalam tindak balas terhadap kenaikan paras laut dengan bebola terumbu sebagai pemecah gelombang dan kawalan hakisan pantai.

Selain itu, dua bahagian siri dokumentari Radio Televisyen Brunei mengenai terumbu karang Brunei dan Program Bola Terumbu Brunei akan diumumkan bersempena dengan Ocean Week Brunei, yang dijadualkan pada 1 hingga 9 Jun 2024.

## Semai semangat patriotisme, sifat perpaduan

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**RIMBA**, Khamis, 25 April. - Dalam hasrat untuk membarigakan serta memberikan pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di negara ini, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCCI pagi tadi mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN.

Acara yang diadakan di Teater Kuliah, Sekolah Menengah Rimba II dihadiri oleh seramai 200 orang pelajar Tahun 7 dan 8 sekolah berkenaan.

Program tersebut merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyunit semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) di kalangan pelajar-pelajar

Taklimat Kenali ASEAN diadakan di Teater Kuliah, Sekolah Menengah Rimba II yang dihadiri oleh seramai 200 orang pelajar Tahun 7 dan 8 sekolah berkenaan.

untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Pada masa yang sama juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memangkin hala tuju negara satu masa nanti.

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail yang antara lain menanamkan kesedaran



dalam kalangan pelajar sekolah sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN: Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One

Community).

Di hujung program tersebut, para pelajar juga berkesempatan untuk mengikuti sesi Kuiz Kenali ASEAN.

Turut hadir Timbalan Pengetua

Akademik, Dayang Noridah binti Haji Kassim dan Timbalan Pengetua Pentadbiran, Dayang Hajah Roslinawati binti Haji Yahya dan para tenaga pengajar sekolah berkenaan.

# MENJAGA KESELAMATAN DAN KESIHATAN DI TEMPAT KERJA

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 16 Syawal 1445H/26 April 2024M



جامعة كلية العلوم  
JABATAN HAL EHWAH MASJID  
KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**ALLAH SWT AKAN MENGHAPUSKAN DOSA/KESALAHAN ORANG-ORANG YANG PENAT DAN LETIH BEKERJA MENCARI NAFKAH DEMI UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN:**

- Dirinya
- Keluarganya
- Orang-orang yang berada di bawah tanggungannya

**ANTARA LANGKAH-LANGKAH YANG DISARANKAN KEPADA MAJIKAN BAGI MEMASTIKAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA ADALAH SENTIASA DALAM KEADAAN SELAMAT DAN DIJAGA IALAH:**



## 1. MENYEDIAKAN PELAN TINDAKAN KECEMASAN YANG KOMPREHENSIF

Serta langkah-langkah pemulihan bagi menangani senario kecemasan yang boleh terjadi (seperti banjir kilat, tanah runtuh atau kebakaran hutan)



## 2. MEMASTIKAN PERSEKITARAN SENTIASA BERSIH, KEMAS DAN TERURUT

Untuk mencegah kejadian kecederaan berpunca daripada tergelincir, tersandung dan terjatuh yang kerap terjadi agar kecederaan dapat dielakkan



## 3. BAGI PEKERJAAN LUAR/DI TEMPAT YANG PANAS

Pekerja harus disediakan dengan:

- Air minuman
- Tempat berehat untuk berteduh yang sesuai



## 4. MENJALANKAN PEPERIKSAAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN YANG KERAP



## 5. MENGURANGKAN/MENJADUAL SEMULA KERJA-KERJA BERAT KETIKA MUSIM PANAS



**B**ERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Qasas, ayat 73 :

**Tafsirnya** : "Dan di antara rahmat-Nya, Dia menjadikan untuk kamu malam dan siang supaya kamu dapat beristirahat pada-Nya (waktu malam) dan dapat mencari rezeki daripada limpah kurniannya (pada waktu siang) dan mudah-mudahan kamu bersyukur".

Ayat tersebut menjelaskan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala dengan kuasa dan rahmat-Nya telah mengurniakan nikmat yang tidak terhitung banyaknya. Di antara nikmat tersebut ialah dengan menciptakan siang dan malam secara silih berganti untuk para makhluk-Nya agar mereka dapat beristirahat pada waktu

## Menjaga keselamatan dan kesihatan di tempat kerja

malam dan seterusnya pada waktu siang pula untuk mengurus kehidupan seperti bekerja dan berusaha mencari rezeki bagi menyara kehidupan dirinya dan juga tanggungannya.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala telah menjamin dan menetapkan rezeki setiap makhluk di muka bumi ini. Sesungguhnya demikian, ia perlu disertakan dengan usaha dan ikhtiar, bukannya hanya dengan menunggu, enggan bekerja dan enggan berusaha dengan semata-mata bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Perlu diingat, untuk mendapatkan setiap rezeki dan setiap kejayaan itu hendaklah diusahakan, ia tidak akan datang bergolek sendiri tanpa ada sebarang usaha dan kesungguhan. Di samping itu juga perlu disertai dengan berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda menjelaskan bahawa antara keutamaan dan kemuliaan yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala bagi orang-orang yang penat dan letih bekerja mencari nafkah demi untuk memenuhi keperluan dirinya, keperluan keluarganya ataupun untuk keperluan orang-orang yang berada di bawah tanggungannya ialah Allah Subhanahu Wata'ala akan menghapuskan dosa / kesalahan mereka. Dari pada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

"Tidaklah seorang Muslim yang tertimpak musibah, keletihan, penyakit, keresahan, kesedihan, gangguan dan kegundahan bahkan duri yang melukainya sekalipun, melainkan Allah akan menghapus kesalahan". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Secara umumnya, sebilangan besar dari masa sehari kita adalah berada di tempat kerja, di mana secara langsung ataupun tidak, kita adalah terdedah kepada pelbagai risiko yang membahayakan.

Justeru, dalam pekerjaan kita sehari-hari, kita hendaklah sentiasa bekerja dengan cara yang selamat dan sihat. Ini bertepatan dengan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam agar kita menjauhi daripada sebarang bentuk kemudaratkan ataupun

memudarangkan orang lain. Daripada Abu Said bin Sinan Al-Kudri Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "Tidak boleh melakukan perbuatan yang memudarangkan diri sendiri dan orang lain". (Hadis Riwayat Imam Ibnu Majah)

Oleh yang demikian, berdasarkan seruan agama kita, marilah kita sama-sama sentiasa mengamalkan budaya menjaga keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Kita perlu mengamalkan sikap berhati-hati ketika menjalankan tugas, jangan pula disebabkan oleh kelalaian dan kecuaian kita, ia akan mengakibatkan kemalangan pada diri kita sendiri dan juga kepada orang lain apatah lagi kemalangan yang menyebabkan kehilangan nyawa. Oleh itu, marilah kita mempertingkatkan usaha dengan langkah-langkah keselamatan dan berwaspada dalam melakukan pekerjaan sehari-hari.

Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja 2009, telah memperuntukkan kewajipan kepada setiap majikan untuk mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja yang sedang bekerja dan pekerja-pekerja lain yang mungkin turut terjejas disebabkan berlakunya kejadian berpunca dari sebarang perusahaan yang dijalankannya di tempat kerja. Ini termasuk menyediakan dan memastikan persekitaran kerja adalah selamat, sihat, kemas dan teratur bagi menjamin kebajikan mereka yang sedang bekerja dan pekerja-pekerja lain di persekitaran tersebut. Majikan juga harus memberikan arahan, maklumat, latihan dan pengawasan yang secukupnya agar pekerja mampu melaksanakan kerjanya dengan selamat dan sempurna.

Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja 2009, juga memperuntukkan tanggungjawab kepada pekerja untuk menggunakan perkakas-perkakas yang sesuai, pakaian pelindung, kemudahan, kelengkapan atau peralatan yang telah disediakan oleh majikan dalam memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja terjamin sewaktu

bekerja.

Antara langkah yang disarankan kepada majikan bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja adalah sentiasa dalam keadaan selamat dan dijaga ialah :

- Menyediakan pelan tindakan kecemasan yang komprehensif serta langkah-langkah pemulihan bagi menangani senario kecemasan yang boleh terjadi seperti banjir kilat, tanah runtuh atau kebakaran hutan.

- Memastikan persekitaran kerja adalah sentiasa bersih, kemas dan teratur untuk mencegah kejadian kecederaan yang berpuncak daripada tergelincir, tersandung dan terjatuh yang kerap terjadi di tempat kerja agar kecederaan dapat dielakkan.

- Bagi pekerjaan luar terutama di tempat yang panas, pekerja harus disediakan dengan air minuman dan menyediakan tempat berehat untuk berteduh yang sesuai kepada pekerja yang terdedah dengan cuaca panas, bagi menghilangkan pendedahan kepada risiko tekanan haba dan menyediakan waktu rehat yang berpatutan.

- Menjalankan pemeriksaan keselamatan dan kesihatan yang kerap bagi memastikan persekitaran kerja adalah selamat dan sihat untuk pekerja-pekerja dalam kawalan masing-masing.

- Mengurangkan atau menjadual semula kerja-kerja berat ketika musim panas.

Sama-sama kita berusaha dan membudayakan cara bekerja dengan selamat dan sihat. Di samping itu, kita berdoa semoga apa jua usaha dan pekerjaan yang kita lakukan akan dikurniakan rezeki yang halal lagi baik, mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan terhindar dari memperoleh hasil pendapatan yang tidak halal. Amin Ya Rabbal Alamin.

**Tafsirnya** : "Maka makanlah yang halal bagi baik daripada rezeki yang Allah telah kurniakan kepada kamu (wahai orang-orang yang beriman) dan syukurilah nikmat Allah itu jika benar kamu hanya beribadat kepada-Nya". (Surah An-Nahl, ayat 114)

## Bengkel Motivasi mempersiapkan pelajar hadapi peperiksaan



PENGETUA Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dayang Hajah Mariam binti Haji Ladi hadir selaku tetamu kehormat pada Bengkel Motivasi Pelajar Cemerlang (kiri), manakala gambar kanan, antara pelajar yang hadir mendengarkan ceramah.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 24 April. - Seramai 175 pelajar Tahun 6 Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB) menghadiri Bengkel Motivasi Pelajar Cemerlang bagi mereka yang akan menghadapi Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR)

2024.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Dewan Sekolah Rendah YSHHB di sini ialah pengetua sekolah berkenaan, Dayang Hajah Mariam binti Haji Ladi.

Bengkel Motivasi tersebut disampaikan oleh penceramah motivasi undangan iaitu Pensyarah dan Dekan Pelajar Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan,

Dr. Haji Mohd. Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk.

Dr. Haji Mohd. Shahrol Azmi dalam ceramahnya antara lain memberikan nasihat dan semangat kepada para pelajar dalam persediaan mereka untuk menghadapi Peperiksaan PSR yang akan diadakan pada bulan Oktober nanti.

Beliau turut menerangkan, bengkel tersebut dinamakan

Program B.E.R.K.A.T

iaitu Berusaha,

Efisien,

Reda,

Kompetitif,

Akhlik dan

Tawakal di

mana kesemuanya dapat diaplilikasikan oleh pelajar-pelajar dalam kehidupan sehari-hari dengan harapan menjadi pelajar cemerlang bukan hanya di dunia malah juga di akhirat.

Selain itu, tiga aktiviti juga diadakan yang mengembangkan lagi potensi komunikasi serta kepimpinan yang ada dalam diri mereka. Dengan adanya bengkel tersebut diharap pelajar-pelajar akan dapat mempersiapkan diri bukan sahaja dari segi akademik tetapi juga menaikkan semangat diri bagi mendapatkan kejayaan dan memberikan kesedaran mengenai kepentingan Peperiksaan PSR untuk masa hadapan pendidikan mereka.

# 4 PREMIS PERNIAGAAN DIKELUARKAN NOTIS AMARAN

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 24 April. - Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengeluarkan empat notis amaran kepada empat buah premis perniagaan kerana ketidakpatuhan terhadap Peraturan-peraturan Acara Harga Jualan Murah pada hujung Februari dan dalam bulan Mac 2024.

Berikutnya pemeriksaan ke atas peserta-peserta acara Jualan Mega Brunei 2024 yang dilaksanakan oleh JPES dan aduan pengguna, Syarikat D Euro Fabric, Batu Bersurat telah dikeluarkan notis amaran kerana menjalankan aktiviti jualan murah yang mengelirukan pengguna di mana harga sebelum dan selepas diskaun adalah sama. Syarikat berkenaan telah melanggar Peraturan 16 (1) dan (2) di bawah Peraturan-peraturan Acara Harga Jualan Murah.

Pemeriksaan yang dijalankan oleh JPES juga mendapat Syarikat Shahira Jaya Supermarket Sdn. Bhd., Jalan Lumapas, Syarikat Sports Nation Company, Mabohai

dan Syarikat Best Eastern, Mabohai masing-masing melakukan atas kesalahan di bawah Peraturan 16 (3) dan (4) dari Peraturan-peraturan Acara Harga Jualan Murah iaitu mengadakan jualan murah tanpa makluman, tidak mempamerkan notis jualan dan tidak memberi dokumen yang relevan seperti di dalam syarat jualan semasa pemeriksaan dijalankan di premis perniagaan.

Syarikat-syarikat berkenaan telah dikeluarkan notis amaran. JPES sentiasa menasihatkan peniaga untuk menjalankan acara jualan murah secara beretika dengan mematuhi Peraturan-peraturan Acara Harga Jualan Murah, Akta Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), Penggal 261 dan Perintah Paparan Tanda Harga.

Ini termasuk mempamerkan tanda harga, diskaun serta terma dan syarat dengan benar, jelas dan betul bagi membantu pengguna untuk membuat pilihan pembelian yang bermaklumat. Amalan perniagaan yang beretika dan wajar adalah penting bagi membantu meningkatkan keyakinan pengguna dan membina persekitaran



JABATAN Perancangan Ekonomi dan Statistik di Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengeluarkan empat notis amaran kepada empat buah premis perniagaan kerana ketidakpatuhan terhadap Peraturan-peraturan Acara Harga Jualan Murah pada hujung Februari dan dalam bulan Mac 2024 (atas dan kanan).

perniagaan yang kondusif.

Peniaga turut disarankan untuk memberikan kerjasama kepada JPES dengan membekalkan maklumat-maklumat perniagaan yang terkini dan sahih seperti senarai harga jualan apabila pemeriksaan dilaksanakan di premis perniagaan. Notis Acara Harga Jualan Murah yang dikeluarkan oleh JPES juga hendaklah dipamerkan

dengan terang dan jelas di premis perniagaan.

Peniaga yang masih didapati gagal mematuhi Peraturan-peraturan Acara Harga Jualan Murah boleh dikenakan kompaun maksimum sebanyak BND1,000 menurut Bab 10A, Akta Kawalan Harga, Penggal 142. Bagi kesalahan berulang, boleh dikenakan denda maksimum BND20,000 dan penjara lima tahun oleh mahkamah di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142.



Aduan mengenai amalan perniagaan yang tidak beretika boleh disalurkan kepada JPES melalui aplikasi mudah alih PenggunaBijak atau Talian Darussalam 123, dengan menyertakan dokumen sokongan seperti resit pembayaran atau gambar sebagai bukti, bagi penelitian lanjut.

## Meraikan Aidilfitri di restoran, dewan serbaguna

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 24 April. - Sambutan Hari Raya Aidilfitri sewajarnya disambut dengan penuh kesyukuran sebagai meraikan hari kemenangan umat Islam meskipun suasana berbeza namun yang utama tujuan Aidilfitri tidak terpesong dari batasan agama Islam.

Sebilangan masyarakat kita sekarang memilih untuk meraikan Hari Raya dengan mengadakannya di hotel-hotel maupun restoran serta dewan serbaguna dalam mempergunakan manfaat seadanya.

Adapun sebab-sebab sehingga mengendalikan selain rumah kediaman sendiri antaranya dalam suasana tempat yang luas dan boleh menampung jumlah yang

banyak terutama sekali bagi mereka yang mempunyai keluarga dan saudara-mara yang besar.

Berikutnya mempunyai kawasan halaman yang begitu terhad juga memberikan satu kemudahan untuk tempat letak kereta dan juga bagi keselesaan para pengunjung.

Pengurusan katering juga memudahkan lagi dalam memilih dan penyediaan menu makanan terlebih awal ditentukan mengikut selera dan cita rasa masing-masing selain mengelak daripada terjadinya kes penipuan dan sebagainya.

Pihak hotel atau restoran juga ada mengadakan promosi hebat untuk sama-sama berkongsi kegembiraan menerusi tawaran istimewa sempena menyambut Aidilfitri dengan pelbagai juadah

serta dihiasi dekorasi raya yang begitu indah dan berwarna-warni.

Apa pun semua ini tergantung kepada kemampuan dalam mengira bajet perbelanjaan kerana Aidilfitri yang diraikan bukan untuk kita boros dan jangan pula ada yang sanggup berhutang demi kelihatan mewah pada Hari Raya.

Bijak merancang kewangan dan berbelanja ala kadar dan semampunya sahaja bukan membebankan yang kemudian menyusahkan pada akhirnya.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad, Ihsan Restoran i-Lotus



SEBILANGAN masyarakat kita sekarang memilih untuk meraikan Hari Raya dengan mengadakannya di hotel-hotel maupun restoran serta dewan serbaguna dalam mempergunakan manfaat seadanya (atas dan atas kanan).



### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- ‘Erat Silaturahim Sesama Jiran Tetangga’. Tarikh Tutup : 1 Mei 2024
- ‘Membina Masyarakat Celik Digital’. Tarikh Tutup : 8 Mei 2024
- ‘Bersatu Mengurangkan Sampah Plastik’. Tarikh Tutup : 15 Mei 2024

### TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarap jarak langku dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

### SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi  
**BND75**  
SETIAP MINGGU



## Rezeki di bulan suci

Oleh : Pena Merah

Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

**B**AJU kurung berwarna biru muda sudah pun tersarung elok ke tubuhku. Raya kali ini, aku dan keluarga kecilku memilih tema berwarna biru muda kerana warna-warna sedondon yang dijual di kedai-kedai agak susah untuk dicari. Maklumlah, semua ibu-ibu di dalam dunia ini nak juga sedondon dengan keluarga tercinta. Termasuklah aku. Dan, mujur sahaja warna biru muda ini punya saiz dan sukatan yang ngam dengan kami anak-beranak.

"Mama!" panggil anakkku yang sulung sambil berlari anak menuju ke arahku. Lagaknya sudah seperti seorang budak-budak yang dikejar tikus pun ada! Alahai, Nia...

Aku yang sedang membelek-belek tubuh di depan cermin saat itu pun terus menoleh ke arah Dania. Anakkku yang sulung ini sudah berusia 7 tahun tapi otaknya geliga! Kita yang tak tahu apa-apa pun akan jadi tahu setelah dia buka cerita! Hebat anak-anak kecil di zaman moden ini, kan? Apa sahaja yang mereka dengar atau lihat, laju sahaja masuk dalam kotak fikiran. Kalau zaman aku dulu, rotan dulu baru faham!

"Kenapa Nia lusir-lusir ani? Karang tarabah, Nia sendiri yang kesakitan karang," kataku tegas sambil bercekak pinggang. Aku bukanlah hendak marah tapi aku mencuba untuk menasihatinya. Bahaya jika dibiarkan dia berlari menuju ke arahku dengan pakaian baju kurungnya itu. Risau jatuh dan terhantuk atau rebah ke atas lantai sahaja.

Dania menundukkan kepala. Mungkin sedar akan kesalahan yang telah dilakukannya sebentar tadi. Wajah cerianya bertukar takut saat ini. Perlahan, aku bergeleng. Lalu, aku menyentuh ke dua bahunya sebelum dagunya aku angkat agar dia dapat bertentangan mata dengananku.

"Mama bukan marah tapi mama takut Nia kenapa-kenapa. Bahaya lusir-lusir ani. Lantai an licin. Karang mun rabah, inda Nia balaku

baraya sama-sama mama, babah, adi sama nini apa. Nia nada mau, kan?" soalku sambil menatap ke dalam dua anak matanya.

Dania bergeleng laju sebagai jawapan dia tidak mahu perkara tersebut terjadi kepada Dania. Pantas, aku menghela nafas perlahan. Telapak tangannya yang kecil dan halus itu aku sentuh.

"Kenapa Nia panggil mama tadi?" Aku mengubah topik perbualan. Aku tak nak dia bermasam muka di hari yang gembira ini. Lagipun, di Hari Raya ini, hati kenalah bersih dan muka sudah semestinya terpancar keceriaan. Tambahan lagi, Dania berjaya berpuasa penuh bulan ini. Dan aku tak nak dia bersedih. Hari Raya inilah tanda kemerdekaan setelah berpuasa sebulan di bulan Ramadan bagi semua umat Islam yang berjaya menahan segala dugaan serta cabaran. Termasuklah aku dan keluarga kecilku ini.

"Nia mau liatkan baju kurung Nia ani... lawa kah mama?" tanya Dania kepadaku sambil memegang baju kurungnya yang berwarna biru muda.

Aku tersenyum manis. "Awu, sayang. Lawa Nia pakai baju macam ani," pujiku ikhlas dari lubuk hatiku yang paling dalam.

Wajah Dania bertukar ceria. Kemudian dia berpusing-pusing di hadapanku seperti seorang puteri di dalam kartun Disney.

"Nampak macam princess kah, mama?" tanyanya. Riang. Dia seakan-akan sudah lupa akan apa yang telah dilakukannya sebentar tadi.

"Awu. Macam princess!" kataku sambil tersenyum manis.

Dania terkekeh gembira. "Terima kasih mama sebab balikan baju kurung yang lawa ani," ucapnya lembut.

Aku senyum lagi dan mengucup kepalanya dengan penuh kasih sayang.

"Sama-sama, sayang," aku membala-

ucapannya sambil menatap penampilannya yang tampak begitu cantik, anggun, bergaya dan ayu!

"Babay sudah siapkan adik?" soalku kepada Dania.

Dania mengangguk mengiakan pertanyaanku. "Dayana, Damia sama Haikal sudah siap di bawah. Babab dari tadi tunggu mama. Kata babab, mama lambat bausai sebab kan balawa!" kata Dania.

Tawaku pecah. Lalu, aku bergeleng perlahan. Ada sahaja perangai suamiku itu! Mungkin suamiku berfikir bicaranya tidak akan sampai ke telingaku. Dan disebabkan itulah dia berani berkata begitu. Sudahlah anak kami ini pintar bercakap. Apa sahaja berita, sudah tentu akan sampai kepadaku! Geng mama la katakan...

"Bah, mama bausai sekajap. Lapas ni, mama turun," aku memberitahu.

Dania mengangguk sebelum meninggalkan bilik tidur. Sementara aku masih lagi terbayang-bayang bagaimana suamiku berbicara begitu dengan mimik muka yang dibuat-buat.

\*\*\*

"Selamat Hari Raya, hubby. Maaf zahir dan batin. Sayang minta maaf kalau sayang ada sakitkan hati hubby atau kecewakan hubby..." kataku sambil mencium kedua-dua tangan suamiku, Asrol.

Aku mendongak memandang wajahnya yang tersenyum manis. Suamiku mengusap ubun-ubunku yang terlindung oleh kain tudung dengan lembut.

"Hubby pun minta maaf arah sayang kalau hubby ada buat salah arah sayang juu..." ucapnya lembut.

Aku mengangguk lembut. Hati terasa sebak bila berada di suasana begitu. Entah kenapa. Mungkin kerana pintu kemaafan di bulan yang suci itu terbuka luas dan cukup menusuk kalbu sesiapa sahaja. Air mataku hujan dengan telapak tangan. Mujur aku tidak mengenakan alat solek yang tebal hari itu. Kalau tidak, mahu hitam di bawah kelopak mata!

mata!

"Kenapa sayang menangis ani?" tanya Asrol kepadaku dengan nada yang cukup lembut.

Aku bangun dan duduk di sebelahnya. Aku menghapus air mata yang laju turun ke pipi dengan tisu yang baru aku ambil di atas meja ruang tamu saat itu. Nasib baik ada tisu berada dekat denganku. Kalau tidak, mungkin aku perlu berlari untuk mendapatkan tisu seperti di dalam drama!

Kesemua anak-anakku menghampiri aku. Mereka semua menatapku dengan wajah kehairanan. Kemudian, mereka menatap Asrol dengan tatapan tajam. Mungkin mereka berfikir babab mereka sudah membuat mama kesayangan mereka ini menangis.

"Babay *nada anu* mama tu ah," kata Asrol terlebih dahulu.

Aku tertawa halus. Aku menghela nafas lembut sebelum menghemusnya perlahan.

"Mama *happy kitani* dapat sekayu kali ani. Tinggal pun di rumah sendiri sudah. Alhamdulillah Allah panjangkan umur *kitani* semua dan dapat *batamu* sama Hari Raya ani..." kataku sambil menatap wajah suamiku.

Asrol tersenyum manis. "Berkat doa sayang dan sabar *kitani*, *kitani* mampu kumpul duit sama *mambali* rumah ani. Walau *damit* sama di atas *aying*, suasana *baraya* di rumah ani terasa nikmatnya. Terima kasih juu sebab sudi *basabar* sama *hubby* dan hidup susah *basama-sama* selama ani," kata Asrol.

Aku tersenyum manis dan mengangguk. Hidup kami dulu susah dan hidup menumpang. Namun, berkat usaha mencari rezeki, berkira dengan barangang tidak perlu dibeli dan mengumpul wang, kami berjaya membeli sebuah rumah hasil titik peluh kami berdua. Di Hari Raya ini, bolehlah kami beraya di dalam rumah sendiri dan merasa sendiri kenyamanan kesyukuran dari rezeki yang diberikan Allah kepada keluarga kecilku ini. Walaupun menabung bertahun lamanya tapi inilah rezeki.



# Kepentingan imunisasi untuk kesihatan

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail  
Foto : Jabatan Penerangan

**A**LHAMDUILLAH, di Negara Brunei Darussalam, kesihatan untuk semua adalah dititikberatkan dengan memastikan setiap rakyat mempunyai akses untuk perkhidmatan kesihatan.

Perkhidmatan kesihatan merupakan perkhidmatan yang disampaikan oleh kerajaan kepada masyarakat umum dengan menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti. Oleh itu, setiap lapisan masyarakat berpeluang untuk mendapatkan rawatan serta perkhidmatan kesihatan di keempat-empat daerah di negara ini sama ada di klinik-klinik atau di hospital.

Menyentuh mengenai kesihatan, untuk mencapai liputan kesihatan sejagat, termasuk akses kepada ubat-ubatan dan vaksin, negara kita menyediakan peluang yang luas bagi mendapatkan perkhidmatan vaksin. Vaksin dianggap pengelak kepada kebanyakan penyakit berjangkit utama dalam kalangan manusia, terutama kanak-kanak. Vaksin terbukti berkesan merangsang imuniti untuk mempertahankan diri daripada penyakit. Vaksinasi membolehkan kita mencapai imuniti kelompok melebihi ambang 90 peratus.

## Sambutan Minggu Imunisasi Sedunia

Negara-negara Ahli Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang lain menyambut Minggu Imunisasi Sedunia yang disambut setiap tahun pada 24 hingga 30 April termasuklah di Negara Brunei Darussalam. Imunisasi merupakan satu proses memberi vaksin bukan sahaja kepada anak damit bahkan juga kepada semua golongan yang bertujuan untuk mencegah penyakit-penyakit berjangkit.

Bagi tahun 2024, Minggu Imunisasi Sedunia disambut dengan tema 'Humanly Possible', sebagai peringatan tentang kemajuan yang telah dicapai oleh manusia dalam menjaga kesihatan global melalui vaksin untuk mencegah penyakit-penyakit.

Tahun 2024 juga merupakan Ulang Tahun Ke-50 Program Pengembangan Imunisasi, di mana pencapaian Program Pengembangan Imunisasi dan impaknya terhadap nyawa-nyawa yang telah diselamatkan melalui imunisasi rutin, sepanjang 50 tahun kebelakangan ini, adalah sebagai peringatan kepada orang ramai tentang manfaat program imunisasi sebagai satu intervensi awam yang kos efektif dan penting bagi melindungi orang ramai daripada penyakit berjangkit.

Program Pengembangan Imunisasi Kebangsaan (National Expanded Programme on Immunisation) Negara Brunei Darussalam telah berjaya menyumbang kepada status Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu negara yang diisytiharkan bebas dari Malaria oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada tahun 1987; bebas daripada Polio pada tahun 2000, bebas dari Measles pada tahun 2015 dan bebas dari Rubella pada tahun 2018.

Program Pengembangan Imunisasi memfokuskan kepada perlindungan kanak-kanak daripada enam jenis penyakit kanak-kanak, termasuk Batuk Kering (Tuberculosis), Difteria (Diphtheria), Kancing Gigi (Tetanus), Batuk Kokol (Pertussis), Polio (Polioomyelitis) dan Campak (Measles). Pada masa ini, jumlah imunisasi telah meningkat kepada 13 vaksin sepetimana yang disyorkan secara universal sepanjang hayat.

Program Imunisasi Kanak-Kanak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam telah mencapai dan mengekalkan kadar liputan imunisasi kanak-kanak pada tahap

yang melebihi 95 peratus liputan setiap tahun. Pencapaian ini membuktikan bahawa Program Pengembangan Imunisasi Kebangsaan dan inisiatif pemberian vaksin di negara ini adalah berkesan dan sangat penting dalam memberikan perlindungan atau pencegahan seawalnya bukan sahaja kepada seseorang individu tetapi juga kepada individu-individu di sekelingnya seperti ahli keluarga dan masyarakat.

Walau bagaimanapun, di sebalik kejayaan Program Pengembangan Imunisasi di tahap global, masih terdapat cabaran dalam akses dan pengambilan vaksin yang boleh mengancam kesihatan dan kesejahteraan berjuta-juta orang, terutamanya dalam komuniti yang kurang mendapat akses kepada perkhidmatan perubatan.

## Pemberian vaksin bantu kuatkan sistem imun

Kanak-kanak mudah dijangkiti penyakit cegahan vaksin kerana sistem daya lawan jangkitan (imun) mereka yang lebih lemah berbanding orang dewasa. Pemberian vaksin membantu menguatkan sistem imun mereka dengan merangsang sel pertahanan, seterusnya melindungi mereka daripada kemungkinan berlaku komplikasi yang mengancam nyawa. Maka adalah sangat disyorkan agar kanak-kanak diberi imunisasi seawal mungkin mengikut jadual imunisasi yang telah ditetapkan. Kewajipan imunisasi adalah untuk memastikan anak-anak dapat dilindungi dan mencapai imuniti kelompok (*herd immunity*).

Kita telah melihat dunia bergelut dengan pandemik COVID-19, satu-satunya harapan kita untuk kembali kepada tahap wabak yang terkawal adalah melalui program vaksinasi.

Meskipun vaksinasi ini tidak dapat menjanjikan sepenuhnya orang yang divaksin tidak akan mendapat jangkitan tersebut tetapi sekurang-kurangnya dengan vaksinasi tersebut dapat mengurangkan efek dan tidak terlalu teruk kesannya. Justeru ketika pandemik tersebut juga melanda di negara kita, keperluan vaksinasi adalah penting agar semua orang dapat imunisasi terhadap jangkitan tersebut.

Keberkesanan vaksin tidaklah 100 peratus. Tindak balas tubuh seseorang terhadap vaksin adalah berbeza-beza, dan terdapat kemungkinan sesetengah orang tidak menghasilkan tindak balas imun yang mencukupi terhadap vaksin yang diambil. Hasilnya, individu seperti ini tidak dilindungi dengan berkesan. Terdapat vaksin yang memerlukan dos tambahan (*booster*) untuk membantu menguatkan imuniti terhadap penyakit tertentu. Perlindungan yang diperoleh dari vaksin adalah lebih baik daripada tiada perlindungan langsung.

Imuniti yang lemah bukan sahaja boleh meningkatkan risiko penyakit kronik seperti diabetes, sakit jantung dan kanser, malah ia turut menambah risiko jangkitan serta komplikasi sesuatu penyakit. Oleh itu, penting untuk setiap individu mengekalkan sistem imun yang kuat bagi melindungi diri daripada keadaan kesihatan kronik terutamanya individu yang berusia lebih 40 tahun.

## Kesimpulan

Oleh itu, sebagai anggota masyarakat kita perlu berganding bahu bersama-sama bagi meningkatkan tahap kesedaran masyarakat tentang kepentingan imunisasi, dan memastikan kanak-kanak jagaan mereka adalah mendapat imunisasi yang lengkap.





## MISI PELAYARAN KE GAZA DITANGGUHKAN BERIKUTAN TEKANAN REJIM ZIONIS

**ISTANBUL**, 26 April. - Misi pelayaran "Break The Siege: Mission To Gaza 2024" yang dirancang untuk berlepas pada Jumaat (26 April) akan ditangguhkan lagi, berikutan tekanan dari rejim Zionis supaya lesen pendaftaran sebuah kapal utama dalam misi itu, Akdeniz ditarik balik, dakwa Freedom Flotilla Coalition (FFC).

"Freedom Flotilla sedia untuk belayar. Kesemua dokumen diperlukan telah dihantar kepada lembaga pelabuhan dan kargo telah dimuatkan dan sedia untuk pelayaran ke Gaza," kata FFC dalam satu kenyataan pada Khamis.

Bagaimanapun, FFC berkata ia dimaklumkan bahawa terdapat sekatan pentadbiran yang dimulakan Israel untuk menghalangnya daripada berlepas.

Israel sedang memberi tekanan kepada Republik Guinea Bissau supaya menarik balik pendaftaran

atau lesen daripada kapal utama kami - Akdeniz (Mediterranean). Ini mencetuskan satu permintaan untuk pemeriksaan tambahan, ini dari negara kapal itu didaftarkan, yang menangguhkan pelayaran pada 26 April seperti yang dirancang," katanya.

FFC berkata ini adalah satu lagi contoh Israel menghalang penghantaran bantuan untuk menyelamatkan nyawa kepada penduduk Gaza yang menghadapi kebuluran terancang.

"Berapa ramai lagi kanak-kanak akan mati kerana makanan dan penyehidratasi disebabkan penangguhan ini dan kepungan berterusan yang perlu dipecahkan?," soal FFC. FFC berkata ini bukan kali pertama Israel menggunakan taktik sebegini untuk menghalang kapal-kapal ini daripada belayar.

"Kami pernah mengatasi taktik mereka sebelum ini dan bekerja

keras untuk menyelesaikan percubaan terbaharu mereka. Kapal kami sudah memenuhi pemeriksaan yang diperlukan dan kami yakin Akdeniz akan lulus pemeriksaan ini jika tiada campur tangan politik.

"Kami menjangkakan ini akan mengambil masa beberapa hari. Israel tidak akan mematahkan semangat kami untuk menyampaikan bantuan kepada penduduk Gaza," kata FFC.

Terkini, 18 warga Malaysia ketika ini menyertai masyarakat awam antarabangsa untuk menyampaikan bantuan kemanusiaan ke Semenanjung Gaza melalui jalan laut dengan menaiki flotila berikut situasi kemanusiaan yang teruk di rantau itu. Mereka terdiri daripada doktor, aktivis kemanusiaan dan pengamal media.

Antara pengamal media Malaysia yang menyertai flotila itu ialah penulis yang juga wartawan

penyiaran daripada Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) Muhammad Hafizuddin Mohd Yusof dan jurukamera Bernama TV Mohammad Nulhakim Jailan.

Aktivis dari 30 negara termasuk Malaysia itu kini berkumpul di

Istanbul sejak 18 April untuk persiapan akhir sempena misi "Break the Siege : Freedom Flotilla Mission to Gaza 2024" itu. Tarikh pelayaran asal pada 21 April, ia kemudian ditunda dua kali kepada 24 April dan 26 April.

- ©BERNAMA

## PM Haiti Ariel Henry letak jawatan

**MEXICO CITY**, 26 April. - Ariel Henry telah meletak jawatan sebagai Perdana Menteri Haiti, membuka jalan kepada kerajaan baharu di negara Caribbean itu, lapor media tempatan pada Khamis.

Jawatan itu akan disandang sementara oleh Menteri Ekonomi dan Kewangan Haiti Michel Patrick Boisvert. Majlis peralihan presiden (CPT) Haiti yang ditubuhkan secara rasmi pada Khamis, bertanggungjawab untuk memulihkan ketenteraman di negara itu.

Pelantikan sembilan anggota CPT itu juga diharap dapat memulihkan ketenteraman perlombagaan di Haiti, yang terperangkap dalam krisis politik dan sosial yang serius yang disebabkan oleh keganasan geng.

Henry telah berjanji untuk meletakkan jawatan sebaik sahaja CPT dibentuk yang memegang tumpuk kepimpinan Haiti sejak 2021 selepas pembunuhan Presiden ketika itu Jovenel Moise, menurut Xinhua. Dalam surat bertarikh 24 April dan disiarkan di media sosial hari ini, Henry mengesahkan peletakan jawatannya.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada semua anggota kerajaan, rakan kerjasama, pentadbiran awam, pasukan keselamatan dan semua pihak yang bersama beliau sepanjang tempoh mandatnya.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang mempunyai keberanian untuk menghadapi cabaran ini dengan saya," katanya, sambil mengakui "kerugian dan penderitaan" rakyat Haiti dalam beberapa tahun kebelakangan ini yang dicemari dengan keganasan.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada rakyat Haiti atas peluang untuk berkhidmat kepada negara kita dengan integriti, kebijaksanaan dan kehormatan. Haiti akan dilahirkan semula," kata Henry. CPT akan mengemudi negara Haiti ke arah pilihan raya baharu pada 2026 dan seterusnya mencapai kestabilan politik. - ©BERNAMA

## Kru Shenzhou-18 berjaya masuk stesen angkasa

**BEIJING**, 26 April. - Kru Shenzhou-18 China berjaya memasuki stesen angkasa Tiangong selepas kapal angkasa yang dinaiki mereka bercantum dengan kombinasi stesen angkasa secara automatik pada 5.04 pagi Jumaat.

Kedatangan tiga angkasawan berkenaan turut disambut kru Shenzhou-17 yang sedang bertugas di stesen angkasa itu. Dua kru itu akan melakukan pertukaran syif dan bertugas bersama selama kira-kira lima hari untuk menyelesaikan pelbagai kerja yang ditetapkan.

Semasa bertugas di stesen angkasa lepas, kru Shenzhou-18 dijadual melakukan aktiviti luar kendaraan (EVA) sebanyak beberapa kali dan menjalankan uji kaji serta pengaplikasian melibatkan fizik asas mikrograviti, sains bahan angkasa, sains hayat angkasa, perubatan angkasa dan teknologi angkasa.

Kapal angkasa Shenzhou-18 dilancarkan dengan roket pembawa Long March-2F dari Pusat Pelancaran Satelit Jiuquan pada 8.59 malam Khamis. Kira-kira 10 minit kemudian, kapal angkasa itu berjaya memasuki orbit yang disasarkan. Ia juga merupakan misi penerbangan kali ke-518 bagi roket pembawa Long March. - ©BERNAMA

dengan kerajaan negara dan antara negara untuk memanfaatkan sepenuhnya kelebihannya dan mengatasi cabaran yang dibawa oleh teknologi digital.

Pada sesi meja bulat itu, para peserta bertukar pandangan mengenai peluang dan cabaran dalam kerjasama ekonomi digital di ASEAN, mencadangkan langkah untuk meningkatkan kerjasama antara blok itu dan rakan kongsinya dalam bidang itu dan mengesyorkan pembentukan ekosistem ekonomi digital ASEAN.

Mereka juga membincangkan aplikasi AI dalam tadbir urus korporat, transformasi digital dalam sektor maklumat, dan kerjasama dalam membina sumber manusia digital berkualiti tinggi dan bagaimana untuk meningkatkan persekitaran pelaburan untuk menarik pelaburan berteknologi tinggi.

Presiden, Asia Pasifik Google, Scott Beaumont menasihatkan ASEAN untuk melabur dalam infrastruktur, sumber manusia, penyelidikan dan pembangunan serta membina pusat data. Beliau juga menekankan perlunya negara ASEAN memastikan persekitaran undang-undang yang kukuh dan memastikan pelabur mencapai matlamat yang ditetapkan.

- ©BERNAMA

## Polis Korea tahan lebih 1,000 remaja terlibat kes judi dalam talian

**SEOUL**, 25 April. - Polis menahan 2,925 orang termasuk lebih 1,000 remaja, dalam tindakan pemberantasan selama enam bulan terhadap perjudian dalam talian yang menyasar remaja, kata pegawai pada Khamis.

Pejabat Siasatan Kebangsaan berkata 1,035 remaja telah ditahan dan 566 daripada mereka telah dirujuk ke pusat kaunseling manakala 75 orang dewasa ditangkap secara rasmi dan 61.9 bilion won (US\$45 juta) hasil jenayah dirampas dalam operasi itu dari 25 September hingga 31 Mac, lapor Agensi Berita Yonhap.

Daripada keseluruhan remaja itu, 12 dituduh mengendalikan laman perjudian dalam talian.

Mengikut kumpulan umur, 798

pelajar sekolah tinggi, 228 pelajar sekolah menengah dan tujuh pelajar universiti antara yang ditangkap. Dua pelajar sekolah rendah turut ditahan dengan seorang kanak-kanak berusia sembilan tahun yang bertaruh 10,000 won didapati paling muda.

Ramai pelajar sekolah menengah dan tinggi terbabit perjudian dalam talian melalui jemputan daripada rakan-rakan, menurut polis. Kebanyakannya terjebak dalam perjudian melalui mesej telefon pintar, iklan dalam talian dan media sosial.

Berdasarkan jenis perjudian, 434 remaja atau 41.9 peratus daripada jumlah keseluruhan berkata mereka bermain 'baccarat', diikuti perjudian sukan yang mencatatkan 19.8 peratus, kasino sebanyak

17.1 peratus dan 'powerball' atau mesin slot menyumbang 14.7 peratus.

Polis berkata proses pendaftaran mudah yang membolehkan remaja mengenakan bayaran perjudian dengan hanya menggunakan akaun bank mereka di bawah nama mereka adalah satu daripada sebab perjudian dalam talian meningkat dalam kalangan remaja, dengan persepsi salah yang melihat perjudian sebagai permainan, menurut Yonhap.

Polis merancang untuk meneruskan pemberantasan selama enam bulan bermula Mei ini dan akan mengekang kandungan berbahaya secara haram dalam talian dan memperluaskan latihan untuk mencegah jenayah berkaitan perjudian. - ©BERNAMA

## PM Vietnam cadang ASEAN jadi model transformasi digital global

**HANOI**, 24 April. - Perdana Menteri Vietnam Pham Minh Chinh pada Selasa mencadangkan orientasi kejayaan untuk menjadikan ASEAN sebagai model dalam transformasi digital di peringkat global, sambil mempergerusikan bersama meja bulat perniagaan dengan rakan sejawatannya dari Laos, Sonexay Siphandone di Hanoi.

Agensi Berita Vietnam (VNA) melaporkan Chinh menekankan kepentingan akses yang sama kepada transformasi digital dan ekonomi digital atas prinsip "mengharmonikan manfaat dan berkongsi risiko"; memastikan ketelusan, keselamatan, keterangkuman dan kemampunan; menggalakkan kemandirian dan autonomi ASEAN dalam transformasi digital, berdasarkan faktor, potensi dan kelebihan khusus setiap negara dan seterusnya melengkapkan Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital ASEAN.

Beliau mencadangkan menggalakkan pendekatan global, semua rakyat dan komprehensif dalam pembangunan ekonomi digital ASEAN dan memberi tumpuan kepada menyelesaikan

masalah umum dan global yang memberi kesan kepada seluruh penduduk seperti tekanan terhadap penstrukturran semula buruh, keselamatan siber, jenayah siber dan kelemahan kecerdasan buatan (AI).

Pemimpin Vietnam itu juga menggesa negara, rakan kongsi dan komuniti perniagaan ASEAN untuk mengukuhkan kerjasama dalam transformasi digital untuk menyumbang kepada pembaharuan pemacu pertumbuhan tradisional dan menggalakkan pendigitalan yang berkaitan dengan penerapan sains dan teknologi dalam industri dan bidang untuk mewujudkan enjin pertumbuhan baharu.

Ia juga perlu bagi pihak-pihak untuk meningkatkan kerjasama dan sokongan dalam sumber kewangan, pengetahuan, pemindahan teknologi dan latihan sumber manusia supaya ASEAN dan Vietnam boleh mengambil bahagian dalam rangka kerja, mekanisme dan rantai bekalan di rantau ini dan dunia, kata Chinh.

Beliau memberitahu peserta bahawa Vietnam menentukan

transformasi digital negara dan pembangunan ekonomi digital berdasarkan sains, teknologi dan inovasi sebagai orientasi pembangunan strategik menjelang 2030, dengan pandangan yang konsisten untuk meletakkan orang dan perniagaan di tengah dan menganggap mereka sebagai subjek, sasaran, daya penggerak dan sumber penting transformasi digital.

Hasilnya negara telah memperoleh pencapaian penting dalam transformasi digital, termasuk kadar pertumbuhan ekonomi digital purata sekitar 20 peratus setahun, pembinaan lengkap Pangkalan Data Penduduk Negara dan lebih 80 peratus penduduknya menggunakan Internet.

Vietnam berharap komuniti perniagaan, pelabur dan rakan kongsi ASEAN meningkatkan kerjasama, persahabatan dan sokongan dalam mempromosikan bidang keutamaan dalam pembangunan ekonomi digital, katanya.

Perdana Menteri Laos Sonexay Siphandone menekankan perlunya kerjasama yang lebih erat antara perniagaan dan sektor swasta

# PERKUKUH PEMAHAMAN TENTANG SAINS SUKAN



**SETIAUSAHA Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) selaku Penasihat Jawatankuasa Kerja Persidangan Sains Sukan dan Perubatan 2024 semasa berucap.**

**GADONG**, Rabu, 24 April. — Dalam bidang sains sukan dan perubatan sukan yang sentiasa berkembang pesat pada masa kini, Majlis Olimpik Antarabangsa (IOC) melalui Jawatankuasa Perubatan dan Sains, mempromosikan pertukaran pengetahuan mengenai kemajuan dalam disiplin tersebut, bagi memastikan prestasi tahap tertinggi atlet dicapai.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menyokong objektif serupa dalam mencapai kecemerlangan dalam sukan dan pertandingan pada semua peringkat, sambil memberi keutamaan kepada kesihatan dan keselamatan atlet negara.

Perkara tersebut digariskan oleh Setiausaha Tetap (Kesukanan) KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, selaku Penasihat Jawatankuasa Kerja dan Ketua Pusat Perubatan dan Penyelidikan Sukan, Dr. Essam Shaaban.

Majlis Perasmian Persidangan Sains Sukan dan Perubatan Brunei Darussalam 2024 (Sports Science and Medicine Conference Brunei Darussalam 2024) bertempat di Songket Ballroom, The Rizqun International Hotel, di sini.

Berucap selaku tetamu kehormat majlis, Pengiran Mohammad Amirrizal seterusnya menambah, kerjasama antara pelbagai pihak berkepentingan adalah sangat penting dalam memastikan hasil sains yang disampaikan dalam persidangan selama dua hari ini dapat diterjemahkan kepada tindakan yang berkesan.

Kehadiran wakil-wakil daripada pelbagai kementerian dan entiti swasta pada hari ini ujarnya, menjadikan persidangan ini sebagai platform pembelajaran yang bermanfaat untuk mencapai matlamat yang dinyatakan.

Pada masa perubahan ini jelasnya lagi, beliau berharap untuk meneruskan kerjasama ini dengan Persekutuan Sukan Perubatan Asia dan mengalaukan mereka semua lagi dalam masa terdekat untuk membincangkan kemajuan yang menarik dalam bidang sains sukan dan perubatan yang luas.

Pada masa yang sama katanya, ini menekankan lagi manfaat persidangan yang melampaui tujuan utamanya untuk pertukaran pengetahuan di kalangan profesional dalam industri sukan sahaja.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan seterusnya pengenalan Persidangan Sains Sukan dan Perubatan oleh Jawatankuasa Kerja dan Ketua Pusat Perubatan dan Penyelidikan Sukan, Dr. Essam Shaaban.

Pada majlis tersebut, dua kertas kerja dibentangkan yang disampaikan oleh Naib Presiden Asian Federation of Sports Medicine (AFSM), Dr. Ucksy Mallick bertajuk 'Understanding and Managing Overtraining Syndrome' dan Setiausaha Agung Persatuan Perubatan Sukan Thailand, Dr. Ead Lorprayoon dengan tajuk 'Recovery and Sports Supplementation for High Performance Athletes'.

Persidangan Sains Sukan dan Perubatan, Brunei Darussalam 2024 dianjurkan oleh KKBS melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) dan diadakan selama dua bermula hari ini sehingga 25 April 2024.

Seramai sembilan orang ahli AFSM dan dua orang ahli panel dari Negara Brunei Darussalam telah dijemput sebagai penceramah jemputan bagi persidangan

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

tersebut.

Para penceramah jemputan juga berkongsi pengetahuan mereka tentang topik yang berkaitan dengan sains sukan dan perubatan.

Matlamat utama persidangan adalah untuk memperkuatkkan pemahaman tentang sains sukan berkongsi penemuan terkini dalam bidang ini, mempromosi kolaborasi antara pakar sains sukan, serta membangun strategi untuk meningkatkan prestasi dan kesihatan atlet.

Dengan persidangan yang berlangsung di Negara Brunei Darussalam ini, ia dapat memberi peluang kepada semua rakyat Brunei dalam bidang perubatan sukan, sains sukan, fisioterapi dan latihan sukan untuk meningkatkan

pengetahuan mereka dengan penemuan terkini dan berhubung dengan Komuniti Perubatan Sukan Asia.

Di samping itu, ia menjadi peluang yang baik untuk pihak berkepentingan Kementerian Pendidikan untuk meluaskan ufuk mereka dalam menyediakan peluang pembelajaran lanjut untuk sains sukan dan perubatan dalam negara.

Hadir sama ke majlis berkenaan ialah Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim dan Pemangku Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, Awang Haswandi bin Haji Osman serta pegawai-pegawai kanan dan kakitangan JBS.



SETIAUSAHA Tetap (Kesukanan) KKBS semasa bergambar ramai pada persidangan berkenaan.

## Korea Selatan terlepas peluang beraksi di Olimpik buat julung kali dalam 40 tahun

**DOHA**, 26 April. - Indonesia menundukkan Korea Selatan dalam penentuan separuh penalti selepas kedua-dua pasukan terikat 2-2 sehingga tamat permainan dalam suku akhir Piala Asia B23 pada Khamis.

Pertandingan ini juga sebagai penentu kelayakan ke Sukan Olimpik Paris. Tiga pasukan teratas daripada pasukan B23 Piala Asia

akan secara automatik layak ke Olimpik sementara pasukan di kedudukan keempat akan beraksi dalam perlawan penentuan menentang Guinea untuk slot terakhir ke Olimpik.

Dalam aksi pertamanya pada pertandingan ini, skuad Indonesia mara ke separuh akhir. Kekalahan Korea Selatan bermakna mereka terlepas peluang ke Olimpik buat

julung kalinya dalam masa 40 tahun, kata Xinhua.

Indonesia mendahului dengan jaringan Rafael Struick pada minit ke-15. Bagaimanapun, pendahuluan itu berakhiri dan Korea Selatan menyamakan kedudukan menerusi jaringan sendiri Komang Teguh sebelum berakhiri babak pertama. Kemudian Struick menjaringkan gol keduanya

pada penamat separuh masa pertama.

Korea Selatan berjaya menyamakan kedudukan pada minit ke-84 menerusi Jeong Sang-bin, biarpun Korea Selatan hanya beraksi dengan 10 orang selepas Lee Young-jun dilayangkan kad merah pada minit ke-70.

Pratama Arhan muncul wira Indonesia dalam penentuan

menerusi 12 kali sepakan penalti apabila berjaya memastikan bola sepakannya masuk ke gawang selepas Lee Kang-hee gagal menyempurnakan sepakan penalti untuk Korea Selatan.

Pada hari sama, Jepun mengesahkan tempatnya ke separuh akhir selepas menumbangkan pasukan tuan rumah, Qatar, 4-2. - ©BERNAMA

## Hougang United sertai kejohanan empat pasukan Piala SMJ di Sabah

**KOTA KINABALU**, 25 April. - Kejohanan empat penjuru Piala Sabah Maju Jaya (Piala SMJ) dari 29 April hingga 5 Mei ini di Stadium Likas di sini, menyaksikan penyertaan Hougang United FC dari Singapura selain tiga kelab Liga Super.

Pengarah Sabah FC, Mohd Joh Wid dalam satu kenyataan berkata kejohanan yang menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM33,000 itu, membabitkan pasukan Liga Super

musim ini iaitu KL City FC, Kuching City FC dan tuan rumah Sabah.

Mohd Joh berkata perlawanan pertama pada 29 April ialah antara KL City menentang Kuching City pada jam 4.00 petang, manakala Sabah menentang Hougang United (8 malam).

Kuching City akan menentang Hougang United pada jam 4.00 petang 1 Mei, manakala Sabah menentang KL City pada jam 8.00 malam hari sama,

disusuli pertemuan Hougang United menentang KL City (4.00 petang) dan Sabah menentang Kuching City (8.00 malam) pada 3 Mei.

"Kejohanan ini bakal menguji kekuatan serta strategi pasukan masing-masing sebelum menghadapi saingan Liga Malaysia 2024/2025 yang akan bermula 10 Mei," katanya.

Mohd Jid berkata Sabah FC perlu memanfaatkan peluang keemasan beraksi di gelanggang sendiri dalam

kejohanan ini, sekali gus dilihat dapat menarik perhatian para peminat dan penyokong menyaksikan kejohanan edisi kedua itu sejak dimulakan pada 2022.

Beliau berkata kejohanan empat penjuru dijalankan secara liga satu pusingan itu, menawarkan hadiah berupa piala dan wang tunai RM15,000 untuk juara, wang tunai RM10,000 untuk naib juara dan ketiga menerima RM5,000 manakala keempat

RM3,000.

"Sedafiat Sdn. Bhd. dan Anika Desiran Sdn. Bhd. merupakan penaja kejohanan empat penjuru Piala SMJ tahun ini," katanya.

Tiket perlawan mula dijual bermula 26 April secara dalam talian di laman <https://ddei5-0-ctp.trendmicro.com:443/wis/clicktime/v1/query?url=www.tickethotline.com.my%e2%80%99&umid=3829F5AF-16EA-2206-94DD-90C26E62AD63&auth=a5dd7243e8d5885f637f5cb287f6c448d952f90-711b3418c78fbb8afea0e08ae41db8cbfd7847a9>. - ©BERNAMA



## PERSIDANGAN SAINS SUKAN, PERUBATAN LABUH TIRAI

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Azmah Haji Ahad

**GADONG**, Khamis, 25 April. - Persidangan Sains Sukan dan Perubatan Brunei Darussalam 2024 yang berlangsung selama dua hari di Songket Ballroom, The Rizqun International Hotel berakhir hari ini.

Majlis tersebut telah mencapai objektif dengan jayanya bersama pakar-pakar perubatan dari International Federation of Sports Medicine (FIMS) dan Asian Federation of Sports Medicine (AFSM) yang berkesempatan untuk bertukar-tukar pandangan bersama 250 peserta persidangan.

Hadir menyempurnakan majlis penutup berkenaan ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad selaku tetamu kehormat.

Atur cara majlis penutup dimulakan

dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan penutup oleh Naib Presiden Persekutuan Perubatan Sukan Antarabangsa (International Federation of Sports Medicine), Profesor Patrick Yung dan disusuli dengan ucapan oleh Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Persidangan Sains Sukan dan Perubatan Brunei Darussalam 2024.

Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Umi Kalthum dalam ucapannya berkata, sukan Brunei dan senaman perubatan dan sains sukan adalah untuk meningkatkan kesihatan dan prestasi atlet dan individu yang aktif.

Pada majlis itu, tetamu kehormat kemudiannya menyempurnakan penyampaian sijil dan cenderamata kepada penceramah jemputan, moderator dan penaja.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir pada Majlis Penutup Persidangan Sains Sukan dan Perubatan Brunei Darussalam 2024 di Songket Ballroom, The Rizqun International Hotel.

Selamat dan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap (Kesukunan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Ali Hassan; Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari serta pegawai-pegawai kanan KKBS dan Jabatan Belia dan Sukan.

Perubatan Brunei Darussalam 2024; Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari serta pegawai-pegawai kanan KKBS dan Jabatan Belia dan Sukan.

## Bersatu padu memajukan bidang sukan, perubatan

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**JERUDONG**, Rabu, 24 April. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah mengadakan Persidangan Sains Sukan dan Perubatan Brunei Darussalam 2024 selama dua hari bermula hari ini.

Pada persidangan tersebut, seramai sembilan orang Ahli Asian Federation

Sports Medicine (AFSM) dan dua orang ahli panel dari Negara Brunei Darussalam dijemput sebagai penceramah jemputan bagi persidangan berkenaan.

Sehubungan itu, Majlis Makan Malam (Welcoming Dinner) diadakan malam tadi bertempat di Tarindak D'Polo, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Makan Malam tersebut ialah Menteri

Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat dalam ucapannya menjelaskan, Persidangan Sains Sukan dan Perubatan Brunei Darussalam 2024 yang dirasmikan pada pagi tadi menandakan salah satu peristiwa penting, yang menghimpunkan pelbagai jenis pakar yang disatukan oleh semangat bersama untuk memajukan bidang sukan dan perubatan.

“Sepanjang hari, kita telah terlibat dalam perbincangan, bertukar-tukar pandangan yang berharga dan mewujudkan hubungan yang bermakna,” ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya yakin bahawa usaha kolektif tersebut akan membawa kepada kemajuan yang ketara dalam bidang sukan dan perubatan.

Terakhir, Yang Berhormat kemudiannya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada jawatankuasa pengangur dari KKBS kerana telah berjaya menganjurkan Persidangan Sains dan Perubatan Sukan Negara Brunei Darussalam 2024.

Juga hadir, Setiausaha Tetap (Kesukunan) KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud selaku Penasihat Jawatankuasa Kerja Persidangan Sains Sukan dan Perubatan Brunei Darussalam 2024; Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan serta Ahli-ahli AFSM.

## Tahukah Awda

**B**IBD merupakan bank terbesar di Negara Brunei Darussalam dan institusi kewangan Islam utama yang telah ditubuhkan pada tahun 2005 melalui penggabungan Bank Islam Brunei dan Bank Pembangunan Islam Brunei. BIBD merupakan sebuah institusi kewangan yang diiktiraf peringkat antarabangsa dan dikawal oleh amalan terbaik global di bawah bimbingan pasukan pengurusan yang berpengalaman.

SUMBER : Pelita Brunei Januari 2022.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

**SENTRAL MENGAMALKAN BUDAYA MENJAGA KESELAMATAN DAN KESIHATAN**